


Jilid II
Bil. 35



Hari Selasa
3hb Ogos, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3949]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak [Ruangan 3955]

USUL:

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 4006]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Pasukan Petugas dan Perlaksanaannya [Ruangan 4006]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN,
D.K. (Johor). (Sri Gading).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN**
MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N.
(Segamat).

„ **Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.**
(Pelabuhan Kelang).

„ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI**
BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK**
ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N.,**
P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN**
SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL**
GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ **Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).**

„ **Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,**
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ **Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,**
J.M.N. (Kuala Langat).

„ **Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,**
P.G.D.K. (Samarahan).

„ **Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).**

„ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ**
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K.,**
P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ **Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN**
WING SUM (Ulu Selangor).

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).**

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M.,**
S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.,
(Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu_Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S., (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DEWAN RAKYAT

Selasa, 3hb Ogos, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

RUMAH KOS RENDAH

1. **Tuan Haji Madina bin Unggut** (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan:

- (a) berapa banyak rumah rakyat akan dibina di Sabah, kiranya ada, di manakah rumah-rumah itu akan dibina dan apakah syarat-syarat untuk mendapatkannya; dan
- (b) adakah peruntukan yang diuntukkan itu telah dibanci dengan kehendak penduduk di sana, kiranya sudah, berapa-kah rumah yang dikehendaki.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada soalan (a) Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memaklumkan iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini, Kementerian saya melalui Suruhanjaya Perumahan Sabah, bercadang melaksanakan sejumlah lebih kurang 1,840 yunit rumah awam kos rendah di beberapa daerah di Negeri Sabah. Butir-butir mengenainya akan diumumkan setelah persetujuan didapati daripada Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian saya telah beberapa kali menjelaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan syarat-syarat untuk mendapatkan rumah awam kos rendah di dalam Dewan yang mulai ini. Sebagai panduan umum, rumah-rumah yang dibina dalam Rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah adalah ditujukan kepada golongan rakyat warganegara Malaysia yang menerima pendapatan sekeluarga tidak melebihi \$300 sebulan. Namun demikian, dalam keadaan-

keadaan tertentu seperti usaha mengatasi masalah-masalah setingan, dan di mana kedudukan keluarga dari segi bilangan tanggungan dan/atau keadaan ahli-ahlinya memerlukan pertimbangan khas, angka ini boleh melebihi iaitu setakat \$800 sebulan. Namun demikian, kelonggaran ini tidaklah diberi sewenang-wenangnya sehingga boleh menjejaskan tujuan utama Kerajaan menyediakan tempat kediaman (decent shelter) untuk rakyat daripada golongan berpendapatan rendah.

Selain daripada faktor-faktor pendapatan dan bilangan tanggungan keluarga yang saya sebutkan tadi, faktor tentang samada pemohon sudahpun mempunyai rumah, tanah dan seumpamanya adalah diambil kira. Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang tidak mempunyai rumah dan tanah serta yang telah lama tinggal atau telah menetap di kawasan di mana projek perumahan itu dilaksanakan.

(b) Ya. Bilangan rumah yang dikehendaki menurut permintaan-permintaan yang telah diterima adalah melebihi daripada yunit rumah yang akan dibina. Peruntukan yang disediakan itu dijangka memadai untuk menemui kehendak yang sebenar oleh kerana lazimnya, ada di antara permohonan-permohonan yang berlebihan itu tidak layak atau benar-benar berkehendakkan rumah daripada jenis yang disediakan.

Tuan Abu Bakar bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa ada di antara mereka yang telah mendapat rumah dengan memohon atas nama keluarganya yang lain mendapat pula rumah yang dipohon itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Itu berhubungan dengan Sabah di Perak tidak ada.

PINJAMAN MEMBIAYAI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

2. **Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa samada sebahagian daripada perbelanjaan

yang diperlukan untuk membiayai Rancangan Malaysia Ketiga dipinjam dari negara-negara luar, yang mengenakan kadar faedah yang sangat tinggi dan jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, ya. Sebahagian daripada pinjaman untuk membiayai Rancangan Malaysia Ketiga akan dipinjam daripada negara-negara luar. Mengikut pengalaman Kementerian saya, kadar faedah yang dikenakan pada masa yang sudah adalah berpatutan. Walau bagaimanapun, kita akan berunding dengan negara-negara yang berkenaan supaya faedah yang akan dikenakan atas pinjaman-pinjaman baru adalah serendah-rendahnya.

CHAN WING RUBBER ESTATE

3. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau telah menerima sepucuk surat bertarikh 31-5-1976 yang dikirimkan kepadanya oleh Y.B. Chan Teck Chan, Ahli Dewan Undangan Negeri D.A.P. Negeri Melaka berkenaan dengan ketakutan dan ketegangan yang dirasakan oleh penduduk-penduduk Ladang Getah Chan Wing, Cha'ah, Johor sejak serangan parang ke atas seorang pekebun kecil, Encik Chan Peng Kong beralamat 4, Jalan Jacoh pada 27-5-1976 dan sebagaimana yang dinyatakan di dalam suratnya (Y.B. Chan Teck Chan) yang berbunyi:

"Diketahui bahawa kebanyakan pekerja dan tuanpunya kebun getah terpaksa melalui Chan Wing Rubber Estate untuk menoreh getah kerana jalan ini adalah lebih dekat untuk menuju ke kebun mereka (jika tidak, mereka harus membuang banyak masa dan tenaga jika mereka melalui Cha'ah). Encik Chan seperti lain-lain tuanpunya kebun getah adalah tiap-tiap hari melalui estate tersebut untuk menoreh getahnya, tetapi kecelakaan yang tertimpa dengan sekonyong-konyongnya pada 27-5-1976 ini apabila ia disalah tangkap oleh empat orang kakitangan dan pekerja estate tersebut (ia disyak-sangka sebagai pencuri getah) ketika ia bermotosikal hendak pulang dari kerjanya, tanpa pemeriksaan dan penyiasatan sebagaimana yang diadukan oleh adik perempuannya, Cik Chan Ah Moi, (K/P. No. 4955275), tangan kanan abangnya dipotong dengan parang

oleh salah seorang kakitangan estate tersebut. Maklumat yang lebih lanjut adalah dicatitkan dalam laporan Polis Bekok yang bernombor 126/76 dan 128/76. Disebabkan berlakunya perkara yang serious ini, suasana di kawasan estate itu dan di Bekok kini adalah menjadi tegang, penduduk-penduduk dari kawasan estate dan sekelilingnya terutamanya tuan-tuanpunya kebun getah dan pekerja-pekerjanya merasa kluatir bahawa perkara ini akan berlaku lagi seolah-olah nasibnya tidak terjamin. Yang menghairankan penduduk-penduduk dari kawasan estate tersebut dan keluarga Encik Chan khasnya ialah apakah sebabnya hingga hari ini pihak Polis masih belum lagi bertindak untuk menyiasat atau tahankan orang-orang yang terlibat dalam kes ini malahan orang yang memarang sedang bercuti dan tidak berada di estate itu."

dan nyatakan apa tindakan pihak Polis telah ambil berkenaan dengan perkara di atas ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, benar Yang Berhormat Menteri telah menerima surat tersebut. Siasatan terhadap pengaduan itu telahpun selesai dan Kertas Siasatan telah dirujuk kepada Yang Ariff Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan seterusnya. Semenjak kejadian yang lampau, pihak Polis tidak menerima sebarang laporan berkaitan dengan kejadian ini. Walau bagaimanapun, pihak Polis sedang membuat perhatian rapi untuk sebarang kemungkinan.

HOSPITAL BESAR MELAKA

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan memberi butir-butir mengenai rancangan-rancangan untuk membangun serta memperluaskan Hospital Besar, Melaka untuk tempoh lima tahun yang akan datang.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telahpun menyusun beberapa rancangan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan Hospital Besar Melaka dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Tidak payah saya menerangkan rancangan tersebut secara detail, tetapi madailah saya menyatakan kesemua rancangan tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Lim Kit Siang: Saya suka hati mendengar ada rancangan-rancangan untuk memperkembangkan Rumah Sakit Melaka. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada berlaku pada masa ini di mana doktor-doktor di Rumah Sakit Melaka dapat arahan daripada pharmacy bahawa ada berbagai jenis ubat-ubat tidak boleh prescribe oleh kerana tidak boleh dapat ubat-ubat tersebut. Akibatnya pesakit-pesakit tidak boleh dapat ubat yang sesuai dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar perkara ini dan ambil tindakan untuk memperbetulkan perkara ini, oleh kerana perkara ini sangat mustahak bagi mengadakan satu perkembangan Rumah Sakit yang sesuai.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Soalan ini sebenarnya boleh disifatkan keluar daripada soalan asal, ini berkenaan dengan pembangunan dan memperluaskan Hospital Besar. Tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak memberi jawapan tidak apalah.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

PERINDUSTRIAN KERTAS

5. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah kejayaan telah dicapai dalam usaha Kerajaan untuk menjauhkan perindustrian kertas melalui Syarikat Kerjasama Perusahaan Baja dan Kertas (FAPICS).

Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, perindustrian kertas yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebenarnya adalah diusahakan oleh Syarikat Pulp and Papers Industry Sdn. Bhd. Syarikat ini adalah ditubuhkan bersama oleh Syarikat Kerjasama Perusahaan Baja dan Kertas iaitu FAPICS dan Bank Rakyat dan sekarang ini sedang dalam proses membina kilang yang kemudiannya memulakan pengeluaran. Kilang tersebut ditempatkan di kawasan perindustrian peramu di Pekan, Pahang.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar pada awal syarikat ini hendak ditubuhkan pihak Syarikat Kerjasama telah mengadakan kempen secara besar-besaran meminta dan mendesak semua syarikat-syarikat Kerjasama di seluruh tanahair supaya me-

nyumbangkan usaha dengan cara membeli saham-saham syarikat ini seberapa banyak yang boleh. Jadi, sekarang ini kebajikan syarikat-syarikat itu tertanya-tanya sejauh manakah perkembangan ini dan bilakah hendak dimulakan perniagaannya. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat diketahui perjalanannya oleh semua syarikat kerjasama yang telah menyumbangkan saham yang berjumlah ribuan ringgit.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya katakan tadi modal syarikat ini sebahagian daripadanya datang daripada Bank Rakyat iaitu modal-modal simpanan dan sebagainya dari Syarikat-syarikat kerjasama dan satu lagi datang daripada Syarikat Kerjasama Perusahaan Baja dan Kertas. Jadi, soal samada semua syarikat kerjasama di dalam negara ini menjadi ahli atau tidak itu adalah soal yang lebih mendalam daripada itu. Kalau sekiranya tidak semua membeli saham, barangkali ini ada masaalah kerana mereka itu lambat ataupun tidak berminat; itu kita tidak tahu lagi. Tetapi pada prinsipnya syarikat ini memanglah dimodali oleh syarikat-syarikat kerjasama dan Bank Rakyat, Bank Rakyat juga merupakan kumpulan modal terutama sekali daripada syarikat-syarikat kerjasama. Untuk penjelasan Ahli Yang Berhormat itu sukalah saya menjelaskan anggaran modal kilang kertas tersebut adalah sebanyak lebih kurang \$85 juta, \$45 juta daripadanya didapati daripada pinjaman daripada bank-bank di negeri Peranchis dan yang selebihnya itu didapati daripada modal-modal syarikat koperatif bumiputra, agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya.

Berkenaan masa pula bila syarikat ini hendak mengeluarkan hasilnya sebagaimana saya katakan tadi sekarang ini mereka adalah di dalam proses pembinaan kilang. Jadi, ertinya soal tapak tanah, soal rekabentuk bangunan, soal rekabentuk pejabat, soal jentera dan sebagainya semua ini sedang diuruskan. Bilakah sebenarnya dia dapat mulakan maka payah kita hendak menentukan kerana ini soal-soal yang terlalu teknikal terutama sekali berkenaan dengan enjin yang memerlukan keperluan-keperluan teknikal. Jadi tidak dapatlah saya beri tempoh yang sebenar bilakah samada tahun ini atau tahun depan ataupun pada pertengahan tahun hadapan, maka tarikh ini tidak dapatlah saya berikan kepada Dewan ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG YAYASAN TUN RAZAK

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.45 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan "satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Yayasan Tun Razak dan membuat peruntukan bagi pengurusan Yayasan tersebut dan bagi perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya" dibaca bagi kali kedua sekarang.

Adalah menjadi suatu kewajiban dan suatu kehormatan bagi saya hari ini membentangkan kepada Dewan ini Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak. Sebagai permulaan, biarlah saya nyatakan serba sedikit tentang latarbelakangnya.

Sebulan selepas kembalinya Tun ke Rahmatullah, Yayasan ini telah dilancarkan dengan daya utama swasta untuk mengumpul wang bagi projek-projek yang akan mengabadikan nama beliau. Sambutan yang dipapati adalah serta-merta dan hangat sekali.

Pada malam upacara pelancaran itu sendiri, yang saya mendapat kehormatan memengeruskannya, sejuta ringgit telah dijanjikan.

Sejak itu derma semakin mencurah diterima. Setakat ini jumlah yang diterima sudah jauh melebihi dua setengah juta ringgit dan akan cepat meningkat ke angka tiga juta.

Suatu hal yang sangat mengharukan ialah derma-derma ini ialah muncul dari pelbagai sumber: gedung-gedung perniagaan, hartawan-hartawan dan orang-orang ternama telah menderma beribu-ribu ringgit, manakala tidak kurang pula sumbangan-sumbangan sederhana dari rakyat yang mana setiap ringgit adalah merupakan pengorbanan besar. Kesatuan-kesatuan pekerja, pertubuhan-pertubuhan profesyenal, dan syarikat-syarikat kerjasama juga telah menghulurkan derma mereka. Semua kaum di segenap lapisan masyarakat sama giat menderma.

Sambil derma-derma itu mencurah datang, kian jelas sebagai yang dipersetujui dengan mudahnya oleh penganjur-penganjur swasta

itu sendiri—bahawa Kerajaan harus mengambil alih tanggungjawab ke atas Yayasan ini.

Ini adalah disebabkan beberapa perkara; paling utama, suatu Yayasan yang demikian besar ertinya bagi negara tidak seharusnya dibiarkan pengendaliannya oleh pihak swasta sahaja; dan juga ini perlu untuk menjauhi pergandaan kerana ramai pertubuhan yang ingin mengasaskan yayasan-yayasan dan tabung-tabung atas nama Allahyarham Tun.

Sebaik sahaja keputusan itu dibuat, suatu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan untuk mengkaji butir-butir bagi mengasaskan Yayasan ini secara rasmi, seperti menentukan matlamat-matlamatnya, melantik Lembaga Amanah, membuat peraturan untuk perbelanjaan dan seterusnya.

Lembaga Amanah, yang akan diketahui oleh seorang tokoh terkemuka akan menentukan bagaimana wang Yayasan ini akan dibelanjakan. Dalam hal ini Lembaga itu akan berpandukan tujuan-tujuan Yayasan ini, sebagai tertulis di dalam Rang Undang-undang di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian pada hari ini.

Tujuan-tujuan itu ialah:

- (a) untuk mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- (b) untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- (c) untuk menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
- (d) bagi menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan
- (e) untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Saya percaya Dewan ini akan bersetuju bahawa lima tujuan ini meliputi hasrat Allahyarham Tun Razak sepanjang hayatnya dan hasrat rakyat Malaysia yang mendalam untuk menghormatinya dan meneruskan usahanya yang belum selesai.

Hidup beliau penuh dengan kemuliaan. Tiap-tiap dasar negara yang penting, tiap-tiap projek pembangunan yang besar hari ini memperlihatkan usaha dan fikiran Allahyarham Tun.

Tumpuan minat dan usahanya amatlah nyata kepada pengetahuan umum dan boleh dihuraikan dengan ringkas dan tegas. Beliau mahukan kehidupan yang lebih baik bagi rakyat, satu negara bersatu-padu tanpa batas perkauman, suatu masyarakat yang adil, tenteram dan damai. Untuk mencapai segala ini, beliau bertungkus-lumus hingga ke akhir hayatnya. Bila hayatnya hampir berakhir, yang amat beliau kesalkan ialah bahawa beliau tidak akan dapat membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga yang akan membawa rakyat lebih dekat kepada matlamat beliau yang juga adalah matlamat mereka.

Sebagaimana beliau berusaha ke arah keamanan dan keharmonian dalam negara Malaysia, demikian jugalah yang beliau usahakan diperingkat antarabangsa. Dengan tidak mengenal penat-lelah beliau melawat beberapa negara; sebagaimana di negara sendiri beliau menjelajah desa, kampung dan bandar untuk menjayakan cita-citanya.

Keamanan, keharmonian, pengertian sesama manusia kata-kata ini membawa unsur lama. Tetapi banyak yang berunsur lama itu masih tetap utuh, tahan diuji zaman, tidak seperti setengah unsur baru yang cepat datang dan cepat pula hilangnya. Kita akan merendahkan taraf kita sendiri sebagai negara dan bangsa jika kita abaikan panggilan ideal-ideal luhur yang telah dipaparkan oleh Tun Razak kepada kita. Ideal-ideal ini merupakan asas Rang Undang-undang yang terbentang di hadapan kita ini.

Suatu perkara lagi harus dinyatakan. Saat ini amat sesuai, rasa saya, bagi kita di Dewan ini menumpukan fikiran kepada salah satu peranan terpenting yang telah dimainkan oleh pahlawan tanahair dan anak Malaysia yang agung ini dalam perkhidmatannya yang panjang.

Bapa pembangunan desa, pencipta dasar pelajaran yang kita kenali di hari ini, perintis dasar luar negeri, penjaga utama keselamatan negara, negarawan antarabangsa, sumber ilham Dasar Ekonomi Baru—semuanya adalah peranan Allahyarham Tun Abdul Razak. Tetapi janganlah lupa bahawa beliau juga seorang Ahli Parlimen yang agong.

Selepas kejadian 13 Mei—ketika Pengarah Gerakan diamanahkan dengan kuasa mutlak menerusi Pengisytiharan Di Raja—seseorang

yang kurang ketokohnya dari Tun Razak mungkin akan tergoda untuk mengekalkan kuasa itu.

Allahyarham Tun tidak bertindak sedemikian. Beliau percaya bahawa kuasa mutlak sudah tentu akan disalahgunakan di sesuatu peringkat pentadbiran. Bila kuasa itu diamanahkan kepada peringkat-peringkat pentadbir, akan terbit lapisan-lapisan penindasan kecil, hingga ke peringkat terke bawah. Tanpa wakil rakyat, kepada siapakah dapat rakyat di desa, kampung dan bandar bersandar harapan untuk dipimpin, dipandu dan dibela bila tertindas?

Oleh yang demikian, Allahyarham dengan segera memulihkan semula demokrasi berparlimen di negara ini. Hari ini, dalam erti kata yang sebenarnya, kita di Dewan ini berada di mana kita berada kerana Tun Razak telah menolak kemungkinan pemerintahan mutlak dan memulangkan kuasa kepada yang berhak—iaitu kepada rakyat dan wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat.

Secara kebetulan yang agak membawa makna, pada sidang Parlimen kali ini, yang terbentang di hadapan kita ialah Rancangan Malaysia Ketiga dan Rang Undang-undang Yayasan, kedua-duanya berkait secara langsung dengan perjuangan yang menjadi tumpuan khidmat Tun Razak sepanjang hayatnya. Izinkan saya mengatakan bahawa dalam menimbangkan kedua-dua kertas ini kita membaharui dedikasi kita kepada cita-cita perjuangan yang agung; keamanan dan keharmonian, pembasmian kemiskinan dan pembentukan semula masyarakat, pemeliharaan demokrasi dan cara hidup kita.

Kita sedang menghadapi cabaran-cabaran yang amat hebat, dalam bentuk kemasyarakatan dan ekonomi. Faham kominis sedang mengancam rumahtangga kita, kehidupan kita, kehidupan anak-anak kita, ugama kita. Dengan tauladan yang telah diberi oleh Allahyarham Tun, kita akan mengatasi cabaran-cabaran itu dan kita akan menghancurkan ancaman-ancaman itu. Kita tidak akan menyerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

2.58 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengalu-alukan Rang Undang-undang Yayasan Tun Abdul Razak yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru sekejap tadi. Saya berasa gembira dengan perhatian yang diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap perasaan dan semangat yang dicurahkan oleh rakyat negara ini kepada bekas Perdana Menteri Malaysia yang telah pergi mendahului kita di mana mereka telah menghulurkan wang untuk membiayai Tabung yang dicipta dan direka oleh mereka sendiri dan sekarang diserahkan kepada Kerajaan untuk mengendalikannya bagi di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tertubuhnya Yayasan ini, maka satu lagi Yayasan bekas Perdana Menteri lahir di negara kita ini, setelah adanya Yayasan Tunku Abdul Rahman pada masa yang lalu. Apa yang saya ingin menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menjunjung di atas semangat yang baik ini, apa yang saya ingin sebutkan ialah supaya Yayasan ini pada masa yang akan datang akan berjalan dengan lancar dan akan berjalan dengan lebih aktif, sebab Yayasan Tunku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri kita dahulu nampaknya kurang aktif sedikit. Saya harap Yayasan Tun Razak ini akan lebih cergas bergerak, sebab ramai rakyat di negara kita ini khasnya golongan muda yang ingin kepada bantuan dan ada manusia yang suka dan dengan rela hati mengeluarkan derma di samping sumbangan dari pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menarik perhatian pula tentang perlantikan-perlantikan anggota-anggota Pengarah yang akan berada di dalam Yayasan ini hendaklah meliputi dari segenap pihak yang cinta kepada bekas Perdana Menteri kita yang lalu. Ini ialah tujuan-tujuannya semata-mata untuk menggambarkan perasaan cinta itu datangnya daripada segenap pihak kerana bekas Perdana Menteri kita itu selain daripada pemimpin negara, selain daripada Bapa Pembangunan beliau juga adalah Bapa Barisan Nasional di mana beliau ialah yang mencetus atau melahirkan idea untuk penubuhan Barisan Nasional yang bermula daripada Kerajaan Campuran di dalam negara kita ini. Dan ini merupakan satu nikmat kepada rakyat dan negara kita di mana perpaduan bangsa, per-

paduan seluruh bangsa atau seluruh kaum di dalam negara kita ini berada di dalam Barisan Nasional tanpa mengira apa-apa fahaman ataupun kaum.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin mengharapkan supaya pengeluaran biasiswa yang akan diberi daripada Yayasan ini bukan sahaja di satu pihak, misalnya dalam bahagian teknik sahaja, dalam bahagian undang-undang tetapi juga termasuk dari semua bidang seperti di dalam bidang undang-undang, dalam bidang teknik, dalam bidang pertanian, juga dalam bidang ugama. Kerana bekas Perdana Menteri kita ini walaupun mendapat perhatian, mendapat kasih sayang daripada semua pihak kerana beliau banyak melahirkan fikiran-fikiran yang membina untuk bahagian-bahagian yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru sekejap tadi, maka ternyata-lah iaitu bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Haji Abdul Razak adalah merupakan tauladan bagi jenerasi muda yang akan memimpin negara kita ini. Apa yang kita kehendaki ialah semangat jitu, semangat utuh, semangat yang tidak kenal lelah dan tidak kenal pudar yang ada pada bekas Perdana Menteri harus ada kepada pemimpin-pemimpin kita sekarang dan masa yang akan datang, insya Allah akan lahir daripada Yayasan yang akan kita tubuhkan sekarang ini.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang perlu saya menarik perhatian kepada Kerajaan khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengemukakan Rang Undang-undang ini. Selain daripada itu, saya ingin menyebut supaya kutipan-kutipan untuk derma ini harus dilancar lebih rancak kepada bukan sahaja oleh satu kumpulan surat-khabar, satu kumpulan persatuan, tetapi daripada semua pihak samada ianya itu merupakan satu kumpulan-kumpulan akhbar ataupun ianya merupakan satu kumpulan persatuan atau badan-badan yang lain seperti badan-badan yang ada kaitan dengan Kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada sebuah akhbar yang telah mengumpulkan wang dan juga satu persatuan yang telah berusaha untuk mengembang atau menyebarkan semangat mahu menderma kepada Yayasan Tun Razak ini.

Tetapi ada juga kesatuan-kesatuan lain khususnya Kesatuan Sekerja yang telahpun mendapat nikmat-nikmat daripada Kerajaan yang masih belum menunjukkan semangatnya untuk mengeluarkan derma. Saya nampak Kesatuan-kesatuan Sekerja yang kuat menuntut tuntutan-tuntutan kepada Kerajaan harus juga berbuat demikian demi faedah jenerasi kita pada masa yang akan datang. Sebab wang daripada mana kita dapat harus juga kita belanja atau derma untuk anak-anak kita yang akan menerima hasil daripada yayasan yang ada di hadapan kita ini.

3.05 ptg.

Dr Tan Chee Khoo (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam usul yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan. Saya ingin juga menyokong sepenuhnya tentang apa yang beliau nyatakan terhadap Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita telah membincangkan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak supaya kita dan negara kita boleh menghormati dan mengingatkan apa-apa yang telah dicapai dan dibuat oleh Allahyarham Tun Abdul Razak. Saya tidak mahu mengulangi apa yang telah disebutkan oleh Menteri Kewangan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Yayasan ini boleh mendapat sokongan dan sumbangan daripada semua lapisan masyarakat di tanahair kita. Seperti yang disebutkan oleh Menteri Kewangan tadi, beliau menyatakan hampir atau lebih daripada \$2 juta telah didermakan kepada Yayasan ini. Saya berharap pihak-pihak yang berkuasa boleh mengambil tindakan dengan cergas supaya message ini boleh disampaikan kepada setiap rakyat di tanahair kita tanpa mengira samada besar atau kecil, kaya atau miskin, boleh beri derma atau sumbangan yang patut kepada Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tengok di dalam Rang Undang-undang ini, Fasal 4 yang menyebutkan tentang Lembaga Amanah. Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan Rang Undang-undang Yayasan Tunku Abdul Rahman dulu, saya telah memberi amaran kepada Kerajaan jangan pilih orang yang terdiri daripada Perikatan sahaja untuk menjadi Ahli Lembaga-nya. Dan baru-baru ini kita terima Lapuran

Yayasan Tunku Abdul Rahman. Yayasan itu telah ditubuhkan tujuh atau lapan tahun dulu. Baru tiga empat hari dulu saya terima lapuran itu dan kalau kita baca senarai Ahli-ahli Lembaga-nya adalah semuanya terdiri daripada anggota-anggota Perikatan. Kalau sekiranya Ahli Lembaga Amanah ini dipilih daripada anggota-anggota Barisan Nasional saya berani menyatakan tidak begitu banyak orang boleh menyokong Yayasan ini. Oleh itu, saya berharap apabila pihak yang berkuasa memilih anggota-anggota Yayasan ini, silalah pilih anggotanya terdiri daripada orang-orang yang di luar daripada Barisan Nasional, misalnya tokoh-tokoh seperti majikan, kaum buruh, ahli-ahli akademik dan sebagainya. Jangan semua daripada anggota Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya juga tentang tujuan-tujuan Yayasan ini yang telah dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya berharap Yayasan ini boleh benar-benarnya menolong pelajar-pelajar miskin di tanahair kita supaya mereka boleh dapat faedah daripada Yayasan ini. Saya hendak sebut apa yang dilakukan di dalam Yayasan Tunku Abdul Rahman, ada pelajar-pelajar yang diberi pinjaman, ada yang diberi biasiswa. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, boleh diberi pinjaman supaya wang yang dikutip oleh Yayasan ini boleh menjadi revolving fund. Kalau kita memberi biasiswa sahaja, biasiswa itu hilang daripada Yayasan ini, tetapi kalau kita beri pinjaman, wang itu boleh dikembalikan kepada Yayasan ini dan kita berharap selama-lamanya Yayasan ini boleh menolong penuntut-penuntut dan rakyat yang miskin di tanahair kita.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak terbaca di dalam Rang Undang-undang Yayasan ini derma atau sumbangan yang diberi kepada Yayasan ini dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan. Diharaplah Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau menjawab, beliau boleh mengumumkan sesiapa yang memberi sumbangan atau derma kepada Yayasan ini akan dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan.

3.18 ptg.

Tuan Embong bin Yahya (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga berasa satu kehormatan di dalam Dewan yang mulia ini dapat membahas Rang Undang-undang

Yayasan Tun Razak yang dikemukakan baharu sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Bolehlah kita katakan bahawa datangnya Rang Undang-undang ini amatlah tepat dengan sejarah negara kita iaitu kita baharu kehilangan seorang negarawan ulung, anak negara atau putera bangsa kita yang besar jasanya dan kita baharu meluluskan Rancangan Malaysia Ketiga iaitu gagasan daripada Allahyarham dan selepas itu diikuti oleh Undang-undang Yayasan Tun Razak sendiri.

Saya memberi tahniah kepada pihak swasta yang telah mengasaskan perkara ini, terutama kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri, barangkali seorang daripada pengasasnya dan tahniah pula kepada Kerajaan kita yang telah mengambil alih tanggungjawab Yayasan yang besar ini.

Saya menyokong penuh tujuan Yayasan yang dinyatakan di sini terutama sekali Bahagian V iaitu memperbaiki standard pelajaran, ini memanglah sangat sesuai dengan hasrat dan cita-cita Allahyarham Tun Abdul Razak sendiri. Sejarah perjuangannya tidak asing lagi kepada kita semua semenjak kita memulakan pilihanraya yang pertama pada tahun 1955, maka beliaulah yang menjadi Menteri Pelajaran yang pertama dalam Kabinet Tunku Abdul Rahman pada masa itu, dan pada tahun 1956 lahir Penyata Pelajaran Kebangsaan Tun Abdul Razak. Inilah buah pemikirannya yang hari ini diwarisi oleh kita menjadi satu daripada asas perpaduan kebangsaan kita yang besar yang akan kita lihat beberapa masa ke hadapan.

Beliau juga dalam mempelupuri kemerdekaan negara tidak asing lagi bersama-sama dengan Tunku Abdul Rahman dan beliaulah menjadi Timbalan Perdana Menteri yang pertama dan kebetulan hasratnya hendak membina negara yang insaf akan kemiskinan rakyat, beliau juga diberi tanggungjawab menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar yang pertama sekali. Dan di situlah Allahyarham telah meneroka satu Rancangan Pembangunan Luar Bandar, lepas rancangan demi rancangan sehingga kita masuk kepada Rancangan Malaysia Ketiga sekarang dan kita merasai menikmati betapa rakyat di luar bandar yang miskin tidak mempunyai tanah telah mempunyai tanah dan yang susah telah beransur mendapat kemewahan negara. Memang tidak asing lagi Allahyarham Tun Abdul Razak ialah seorang cintakan damai

dan cintakan pelajaran, bukan sahaja pelajaran kepada anak-anak bangsa kita, tetapi semenjak beliau memegang Kementerian Pembangunan Luar Bandar, beliau sendiri memegang tampoknya satu daripada luar bandar di bidang Kelas Dewasa, menunjukkan bahawa beliau sangat insaf yang pada masa itu 45% rakyat kita masih buta huruf. Jadi, beliau sendiri mengambil tanggungjawab menubuhkan rancangan Kelas Dewasa sehingga selama 10 tahun yang lepas tidak asing lagi bahawa hampir 1½ juta rakyat yang buta huruf di kampung-kampung dan di luar bandar dapat menikmati membaca dan menulis. Inilah satu hasrat beliau yang besar dan amat sesuai dengan kandungan tujuan yayasan ini.

Selain daripada itu, kita dapat melihat betapa Allahyarham berkehendakkan rakyat, terutama sekali bumiputra yang ketinggalan kemajuan sejak penjajahan dalam bidang ekonomi, maka dibentuknya dalam bidang MARA, PERNAS, UDA, SEDC dan lain-lain ini semata-mata hasrat beliau hendak memberi kepada rakyat kemajuan demi kemajuan di bidang ekonomi, terutama sekali orang Melayu yang telah ketinggalan, sambil itu tidaklah pula menjejaskan ekonomi orang-orang yang bukan Melayu. Dalam masaalah perdamaian maka beliau bolehlah menjadi satu juara pendamai yang ulung yang kita lihat bagaimana beliau menunjukkan ketokohnya yang paling ulung ketika kita menghadapi konfrantasi dengan Indonesia. Rasanya beliaulah yang banyak sekali memikul tanggungjawab masalah keselamatan negara zaman konfrantasi, dan dengan pertolongan Allah subhanahu wataala beliau jugalah menjadi seorang pendamai yang besar yang memegang tangan Tun Adam Malik, Indonesia dan membuat perdamaian yang menyebabkan tamatnya konfrantasi dan dapat rakyat kita hidup dengan aman damai pada masa ini. Sekiranya barangkali pada masa itu, kalau kita tidak ada Allahyarham Tun Abdul Razak, harus konfrantasi belum tamat sehingga sekarang. Dan ini sangat sesuai dengan tujuan yayasan ini di cerai (d) iaitu menggalakkan keamanan dan persefahaman antarabangsa.

Saya menyokong dengan kuatnya tujuan memasuki "antarabangsa" kerana sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi Allahyarham bukan sahaja terkenal dalam negara sendiri tetapi menjadi seorang

negarawan ulung antarabangsa. Amat sesuai kalau sekiranya Yayasan ini diperluaskan kepada antarabangsa yang menjadi cita-cita Allahyarham memperkenalkan negara Malaysia ke seluruh pelusuk dunia sehinggakan beliau selama hayatnya hampir menjelajah ke seluruh dunia dan dikenal oleh seluruh pemimpin-pemimpin dunia dan dengan jalan itu Malaysia terkenal di seluruh dunia. Dan untuk mengekalkan hasrat ini, saya mencadangkan supaya Yayasan ini mengikuti langkah yang dibuat oleh Filipina mengadakan Yayasan Magsaysay yang memberi hadiah kepada pemimpin dunia yang memainkan peranan untuk perdamaian, untuk faedah rakyat dan cita-cita persahabatan dunia. Bukan sahaja Yayasan ini memberi hadiah pelajaran kepada anak-anak kita, tetapi memberi hadiah kepada pemimpin-dunia, terutamanya negara-negara ASEAN yang memainkan peranan antarabangsa, khususnya dalam ASEAN. Sekurang-kurangnya kalau Yayasan Magsaysay menawarkan \$30,000 barangkali kita boleh menawarkan \$50,000 atau \$100,000 kepada seseorang pemimpin. Bukan setiap tahun tetapi sekali-sekala seperti yang dibuat oleh Yayasan di Manila itu supaya nama Allahyarham akan kekal harum lagi bukan sahaja di tanahair bahkan di seluruh dunia dan beliau sendiri semasa hayatnya telahpun menerima hadiah daripada Yayasan itu sendiri dan sangatlah sesuai saya cadangkan supaya pihak Lembaga ini tidak akan melupakan untuk memperluaskan Yayasan ini kepada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan Yayasan inilah satu-satunya langkah yang sebenar dan tepat kita mengingati seorang pemimpin pahlawan bangsa. Barangkali kalau orang mengatakan bahawa sejarah Allahyarham akan ditulis dengan tinta emas, kita belum pernah melihat satu sejarah dicatit oleh tinta emas, tetapi saya bolehlah ibaratkan bahawa Yayasan inilah yang seolah-olahnya kita sentiasa mencatit sejarah Allahyarham itu dengan tinta emas, apa lagi kalau Yayasan ini terkenal di seluruh dunia luar dan pemimpin-pemimpin lain di dunia yang berbakti dapat diberi hadiah daripada Yayasan ini seperti yang saya maksudkan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong juga rakan-rakan yang bercakap tadi supaya Yayasan ini tidak memilih keturunan, tidak memilih bangsa, tidak memilih kaya dan miskin, tidak memilih ugama apabila hendak diberi kepada seseorang

penuntut atau seseorang yang berjasa daripada Yayasan ini supaya benar-benar mereka yang mendapat itu ialah orang yang berjasa, anak Malaysia yang benar-benar berbakti yang benar-benar taat setia kepada negara dan memberi perkhidmatan sekurang-kurangnya seperti Allahyarham sendiri dan saya hendak menambah kalau boleh jangan lupa sekiranya anak Malaysia yang mendapat hadiah daripada Yayasan ini sudah terkeluar daripada rasa taat setia kepada Malaysia menjadi anasir subversif, tidak taat kepada Raja dan Negara kita, maka dengan sertamerta kalau boleh pihak Lembaga ini menarik balik hadiah-hadiah itu. Kita tidak mahu hadiah-hadiah itu kekal di tangan seorang yang menikmati Yayasan Tun Razak tetapi akhlak dan perangainya itu berlawanan daripada apa yang dihasratkan oleh Allahyarham itu sendiri.

Oleh sebab rakan-rakan saya hendak bercakap lagi saya rasa cukuplah setakat ini. Saya menyokong penuh Akta Yayasan ini dan kalau boleh dijalankan dengan seberapa segera dan saya menegaskan lagi sekali bahawa pandangan saya terhadap hadiah kepada antarabangsa itu tidak dilupakan.

3.24 *ptg.*

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong serta mengalu-alukan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak yang baru sahaja dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kutipan wang yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sebentar tadi iaitu hingga hari ini kutipan telah berjumlah \$2½ juta dan ada kemungkinan akan meningkat kepada \$3 juta. Maka saya berpendapat bahawa Yayasan ini mempunyai masa hadapan yang sangat baik dan cerah untuk mencapai matlamatnya. Dengan wang yang sebanyak itu saya percaya pihak yang menguruskan iaitu pemegang-pemegang amanah yang dilantik itu kelak akan berkemampuan untuk memberikan biasiswa-biasiswa ataupun sebarang apa juga bantuan yang bersesuaian dengan tujuan Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dan mencadangkan supaya bantuan biasiswa ataupun sebarang apa juga bantuan yang hendak diberi di bawah Yayasan ini patutlah tidak dibuat dengan tergesa-gesa ataupun terburu-buru oleh pihak yang berkenaan, oleh kerana saya rasa wang yang kita kutip daripada rakyat ini setiap ringgit kutipan yang

kita perolehi hendaklah digunakan dengan sebaik-baik dan sebijak-bijaknya. Kita tidak mahu Yayasan ini mengalami kesusahan seperti yayasan-yayasan lain iaitu sehingga pada satu ketika kelak Yayasan ini tinggal nama sahaja ataupun indah nama daripada rupa. Kita mahukan Yayasan ini kukuh, kuat dan dapat berjalan dengan licin menuju matlamatnya. Hari ini kita dapat banggakan bahawa di dalam masa beberapa bulan kita memungut \$2½ juta, tidak lama lagi kita akan dapat \$3 juta tetapi adakah kemungkinan Yayasan ini akan dapat memungut wang sebanyak ini juga dalam jangka masa yang sama di dalam masa-masa tahun yang akan datang. Hari ini pihak swasta bermurah hati, orang-orang kenamaan bermurah hati, organisasi-organisasi bermurah hati oleh kerana Allahyarham baru sahaja kembali ke rahmattullah. Perasaan sedih, pilu, emosi masih ada, maka mereka ini bermurah hati tetapi saya tidak tahu jikalau pada tahun 1977, 1978 dan seterusnya kita akan dapat sumbangan yang senang seperti yang kita perolehi sekarang ini. Jadi inilah satu perkara yang kita patut awasi. Mana-mana juga pertubuhan yang mengharapkan sumber kewangan daripada derma-derma telah mengalami kesukaran, misalnya Bulan Sabit Merah, Pertubuhan Scout, semuanya mengalami kesukaran sedangkan mereka ini semua masyarakat tahu, pertubuhan-pertubuhan ini adalah pertubuhan kebajikan, pertubuhan yang baik tetapi mereka tidak bermurah hati untuk memberikan sumbangan-sumbangan.

Saya cadangkan bahawa bantuan-bantuan di bawah Yayasan ini hendaklah ditangguhkan dahulu sehingga pihak berkenaan, pihak trustee yang akan dilantik kelak dapat melaburkan wang ini secara jangka panjang, misalannya penubuhan sebuah ladang. Allahyarham sebagai seorang anak Pahang jati yang telah dilahirkan di Pahang, saya percaya Kerajaan Pahang pun bersedia untuk memberikan pertolongan dalam apa jua pun, terutamanya pertolongan kebendaan seperti tanah yang Kerajaan Pahang masih mempunyai kemampuan. Jikalau misalannya pihak berkenaan dapat berbincang dengan pihak Kerajaan ataupun pemimpin-pemimpin politik daripada negeri Allahyarham sendiri, saya percaya negeri Pahang ini dapat memberikan tanah-tanah yang masih ada yang mempunyai hasil-hasil kayu dan Yayasan ini boleh membuka sebuah ladang tanpa mengeluarkan modal begitu banyak, kerana daripada hasil-hasil kayu itu barang-

kali sudah cukup untuk membiayai 5,000 ekar ataupun 10,000 ekar kelapa sawit ataupun getah. Ini patutlah pihak berkenaan mengambil perhatian berat dan saya percaya pertolongan akan diberi oleh Kerajaan Pahang di dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya minta supaya Yayasan ini jangan menjadi pertubuhan prestigious iaitu memberikan bantuan kepada penuntut-penuntut yang hendak belajar, mengambil kelulusan Ph. D. ataupun membiayai orang perseorangan yang hendak membuat research thesis keluar negeri dan sebagainya. Yayasan ini biarlah memberi munafaat kepada setiap lapisan masyarakat di semua peringkat, terutamanya masyarakat daripada luar bandar, oleh kerana sebagaimana yang disebutkan oleh sahabat saya tadi bahawa di dalam pekerjaan pembangunan luar bandar ini Allahyarham telah pernah mendapat Magsaysay Award. Jadi, saya rasa kalau bantuan diberi kepada penuntut-penuntut daripada luar bandar, maka ini tentulah sangat sesuai dengan hasrat Allahyarham itu.

Ketiga, mengenai dengan pemegang amanah. Pemegang amanah yang rasa saya kalau tidak silap 18 orang ini kalau boleh hendaklah diwakili oleh setiap bangsa. Kita tidak mahu jikalau Yayasan ini dituduh sebagai Yayasan orang Melayu ataupun orang Islam semata-mata. Kita mahukan Yayasan ini mempunyai nama yang bersih tiap-tiap kaum dapat memainkan peranan bagi tujuan mulia Yayasan ini.

3.32 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berucap sepatah dua kata mengenai Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menubuhkan Yayasan Tun Razak sebagai satu tanda penghargaan kepada Allahyarham Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak dengan tujuan untuk memberi hadiah-hadiah dan pemberian kepada orang-orang ataupun kumpulan orang yang layak mendapatnya dalam berbagai lapangan.

Sungguhpun kami bersetuju sepenuhnya dengan penubuhan Yayasan Tun Razak ini, tetapi pada hemat saya apa yang lebih mustahak ialah cara-cara yang akan digunakan atau cara-cara yang diambil untuk menjayakan objektif-objektif yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita memerlukan ialah satu tafsiran atau definasi yang tepat tentang perkataan-perkataan "orang-orang atau kumpulan orang yang layak untuk menerima hadiah-hadiah daripada yayasan tersebut." Ini adalah mustahak untuk menentukan bahawa dalam proses pemberian hadiah-hadiah tidak ada sebarang penyalahgunaan kuasa atau pilih kasih akan berlaku. Oleh sebab kita dan juga rakyat berharap bahawa hadiah-hadiah dari yayasan itu tidak hanya diberikan kepada orang-orang yang mempunyai pertalian dengan mereka yang dalam golongan berpengaruh seperti ketua-ketua pemerintah. Pada pendapat kami hadiah-hadiah patut diberikan kepada mereka yang paling dan tulin layak tanpa mengira keturunan termasuk orang-orang miskin yang ada disebut oleh Yang Berhormat dari Kepong dan juga pemberian hadiah-hadiah ini patut didasarkan atas prinsip meritocracy. Itu ialah satu prinsip yang amat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 12 mengenai Akaun-akaun Yayasan yang diodit. Saya berharap bahawa akaun-akaun itu dapat diedarkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen untuk pengetahuan dan maklumat-maklumat mereka.

Mengenai Lembaga Yayasan yang ada disebut dalam Fasal 5 (1), kami berharap bahawa Ahli-ahli Lembaga akan dilantik dari semua lapisan masyarakat dan perlantikan itu adalah membayangkan sebuah masyarakat yang berbilang bangsa.

Akhirnya, saya juga berharap bahawa ahli-ahli yang akan dilantik itu adalah orang-orang yang berkalibar dan orang-orang yang beramanah. Itulah perkara-perkara yang saya ingin menyebut tentang Rang Undang-undang ini.

3.36 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penuh yayasan yang dibuat ini dan saya menyebut bahawa bila mana-mana rakyat yang sayangkan kepada pemimpinnya biasanya banyak perkara-perkara yang dibuat untuk mengekalkan nama baik pemimpinnya. Satu daripada yang biasa kita dengar dalam tanahair kita ini ialah membuat tugu, membuat patung. Alhamdulillah syukur kepada Allah kerana rakyat Malaysia hari ini nampaknya tidak begitu gaduh dan tidak begitu sebuk untuk membuat

patung Allahyarham Tun Abdul Razak, kerana boleh jadi pemikiran dan mentality rakyat Malaysia ini mulai faham dan mulai mengerti bahawa membuat patung dan membuat tugu itu tidak memberi kesan, tidak banyak munafaatnya kepada rakyat, bahkan sebaliknya mengajak rakyat, mengajak manusia balik semula: manusia menyembah manusia. Alhamdulillah dan bersyukur kepada Allah kerana rakyat Malaysia nampaknya sayang kepada Allahyarham Tun Abdul Razak dan membuat satu perkara yang dapat dirasai oleh rakyat Malaysia seluruhnya iaitu mengadakan Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita buat Yayasan Tun Razak ini dalam saat negara kita menghadapi bahaya kominis. Kita hendak kata kominis hendak sangat Malaysia ini kerana orang-orang Malaysia ini jahil, tidak ada pengetahuan, tidak juga kerana dari tidak ada universiti kita mengadakan universiti, daripada tidak ada sekolah menengah, kita mengadakan sekolah menengah. Kita hendak kata rakyat Malaysia ini miskin sebagaimana yang disebut-sebut pun tidak juga kerana kemiskinan kita telah berusaha menghapuskannya dari hari ke hari, dari bulan ke bulan dan banyak rakyat Malaysia yang dahulu miskin, tidak bertanah, tidak berumah telah mulai merasa. Apa yang saya nampak yang nampaknya rakyat Malaysia ini hendak juga, ada juga yang menyokong kominis ini ialah kerana ada di antara kita masih kabur lagi tentang keperluan beragama, tidak tahu bagaimana penting dan bagaimana perlunya beragama. Jadi, oleh yang demikian saya tekankan bahawa yayasan ini perlu benar memberi pertimbangan berat untuk membelanjakan wangnya supaya menyebarkan pengajaran agama dan semangat agama kepada rakyat, mudah-mudahan semangat Allahyarham Tun Abdul Razak memegang agama itu dapat diteruskan. Itu sahajalah perkara yang saya hendak sebutkan mudah-mudahan Allah kabulkan.

3.38 ptg.

Tuan Abdul Jalil bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak yang baru dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Saya juga berpendapat bahawa ini adalah tepat pada saat dan ketikanya bukan sahaja kerana kita hendak mengabadikan jasa-jasa Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri kita yang lalu tetapi juga untuk

hendak mengekalkan tugas satu-satu yayasan, kerana pada masa-masa yang lalu banyak yayasan yang telah didirikan bersempena dengan pemimpin-pemimpin dan sebagainya, bukan ertinya kita menafikan perjalanannya, tetapi hanya berjalan dengan lancar pada peringkat permulaan dan selepas itu kita tidak dapat mendengar beritanya. Jadi, dengan memperundangkannya saya percaya dan yakin yayasan ini akan dapat dikekalkan.

Dan saya juga mencadangkan oleh kerana banyak yayasan yang telah kita tubuhkan, misalnya Yayasan Tun Razak dan sebagainya sedangkan tugas dan peranannya adalah sama. Saya suka mencadangkan supaya yayasan yang telah kita tubuhkan itu kita letak di bawah Yayasan Tun Razak ini supaya dari segi perlaksanaan dan sebagainya dapat kita selaraskan dan bolehlah kita lantik Pengerusi tiap-tiap yayasan itu menjadi salah seorang ahli lembaga. Dan dengan ini juga tidak perlu lagi kita pada masa yang akan datang kalau ada satu yayasan yang patut kita tubuhkan, kita hendak bawa ke dalam Dewan, melainkan kita letakkan di bawah Yayasan Tun Razak yang kita anggap sebagai yayasan induk yang ada di negara kita ini samada yang telah kita tubuhkan dan yang akan datang yang akan ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak payah saya menyebut jasa-jasa Tun dari segi lain sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri kita tadi dan juga rakan-rakan saya, tetapi kalau kita sentuh dari segi peranan Allahyarham Tun dari segi pelajaran dan yayasan ini adalah berhubung rapat dengan pelajaran. Saya rasa setengah bulan, satu bulan pun Dewan ini membahaskan tidak akan habis, lebih-lebih lagi mengenangkan bahawa Dasar Pelajaran Kebangsaan kita yang ada sekarang adalah dicipta oleh Allahyarham semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran yang pertama yang mengalami berbagai-bagai dugaan terutama sekali dalam perlaksanaan Bahasa Kebangsaan hingga tertubuhnya Universiti Kebangsaan. Jadi saya suka mencadangkan sekiranya boleh yayasan ini dipusatkan di Universiti Kebangsaan kita sesuai dengan peranan Allahyarham juga menjadi sebagai Chancellor yang pertama dan dalam keadaan ini walaupun barangkali terkeluar sedikit daripada perbahasan kita tetapi ada kaitannya. Memandangkan peranan Allahyarham dari segi pelajaran ini yang saya cadangkan tadi Universiti Kebangsaan itu menjadi pusat yayasan ini dan kalau ada cadangan Univer-

siti Kebangsaan ini ditukarkan kepada nama yang lain, saya rasa nama yang sesuai ialah Universiti Tun Abdul Razak.

Kita tentulah telah mengetahui negarawan-negarawan negara lain telah diabadikan namanya kepada Universiti, misalnya Universiti Chulalunkun di Thailand, Universiti Fuad-awal di Masir dan sebagainya. Saya rasa mengenangkan jasa-jasa Tun terutama sekali dari segi perpaduan, dari segi penyatuan politik, keamanan negara dan juga dari segi pelajaran, saya rasa patutlah kita mencadangkan apa yang saya katakan tadi.

Saya juga mengucapkan setinggi tahniah kepada Menteri Kewangan bukan sahaja telah dapat membentangkan, tetapi juga salah seorang daripada pengasas, mungkin dengan kebijaksanaan dalam masa yang tidak berapa lama yayasan ini telah dapat mengumpulkan wang yang begitu banyak, barangkali bukan sahaja kerana semangat penduduk-penduduk dan juga setiap lapisan rakyat yang telah begitu emosi sebagaimana kata rakan saya dari Maran tadi, tetapi mungkin dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri kita dapat menarik orang ramai untuk menghulurkan derma, tak tahulah setengah kawan-kawan saya mengatakan selalu Yang Berhormat Menteri ini mengatakan dirinya ini yatim piatu, sebatang karah, mungkin kerana itu bila dia merayu, orang dengan suka hati memberikan derma. Saya mencadangkan untuk mengenangkan jasa beliau itu supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dilantik menjadi Pengerusi Pertama Yayasan ini. Dengan cara ini, saya rasa dapat dia mengumpulkan wang dengan lebih banyak lagi dan dapat yayasan ini menjalankan tugas dengan lebih prektik lagi. Saya tidaklah berhajat untuk hendak memanjangkan perbahasan dalam bahagian ini, saya dengan sepenuh hati menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebentar tadi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

3.45 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak, 1976. Telah banyak kita dengar Ahli-ahli Yang Berhormat tadi memperkatakan jasa-jasa pemimpin ulung kita, khidmat-khidmat bakti mulia yang telah diberi kepada bangsa, negara dan ugama.

Tuan Yang di-Pertua, sejak berpulang Tun, berbagai cadangan telah dikemukakan untuk mengenangkan nama Tun ini. Cadangan-cadangan ini bukan sahaja keluar atau dicadangkan oleh pemimpin-pemimpin, pergerakan atau pemimpin-pemimpin, badan-badan atau kelab-kelab, tetapi dikemukakan juga oleh rakyat di kampung hingga ada rakyat yang mencadangkan nama masjid untuk dinamakan nama Tun, nama jalan, nama surau, nama dewan dan sebagainya. Masing-masing berfikir, mereka ini telah terhutang budi kepada Allahyarham Tun, maka itu berbagai-bagai cadangan telah dikeluarkan. Ini menunjukkan bahawa semangat rakyat rasa simpati dan rasa terhutang budi itu bukan disuruh-suruh atau bukan pihak yang berkuasa mendesak supaya mencadangkan itu dan ini, tetapi secara seponatan terbit daripada perasaan hati suci rakyat itu sendiri. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun jumlah wang yang kita terima setakat ini sebanyak \$2.3 juta iaitu yang diderma terutama sekali daripada firma-firma, daripada badan-badan, tetapi daripada rakyat di kampung kita belum dapat derma-derma ini lagi.

Kita faham rakyat di kampung tidak boleh hendak derma \$1,000, \$100.00 dan sebagainya, mereka juga ingin menderma, tetapi di mana hendak diderma ini, kepada siapa patut derma ini diserahkan dan sebagainya. Jadi sebagai tanda kata mereka inipun kenang jasa Tun Razak. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya Kerajaan menjalankan satu kempen pungutan derma secara besar-besaran. Misalnya diadakan dalam masa sebulan kempen derma Yayasan Razak. Dalam sebulan itu kita lancarkan derma ini dan kita siarkan kempen ini secara besar-besaran melalui radio, TV, akhbar dan lain-lain alat sebaran am dan untuk memberi peluang kepada semua orang tidak kira daripada peringkat apa sekalipun supaya dapat menyumbangkan derma masing-masing, maka eloklah dilantik Penghulu-penghulu, Penggawa, Pegawai Daerah dan sebagainya menjadi pemungut atau penerima derma-derma daripada rakyat. Kita tidak kira walaupun 10 sen, ini sebagai tanda kata rakyat mengenang jasa pemimpin ulung kita. Jadi sekali lagi saya cadangkan supaya Kerajaan dapat mengatur derma-derma itu supaya semua rakyat daripada segala lapisan boleh menderma kepada tabung Yayasan Tun Razak ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tujuan-tujuan yayasan ini yang kelima atau (e) ialah untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat. Dalam masa penjajahan yang lalu di negara kita ini ada satu hadiah pelajaran iaitu dihadiahkan kepada penuntut yang mencapai pelajaran yang paling tinggi atau paling cemerlang dinamakan Queen's Scholar. Berhubung dengan perkara ini iaitu berdasarkan cadangan yang kelima itu untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan, maka saya cadangkan patut kita keluarkan satu hadiah kepada murid-murid yang paling bijak mencapai kejayaan yang paling cemerlang dan luar biasa dalam pelajaran, kita hadiahkan dengan nama hadiahnya dengan Razak Scholar atau lain-lain nama yang jawatankuasa yang akan dilantik ini memikirkan patut dan sesuai dengan tarafnya iaitu sama dengan hadiah Queen's Scholar yang telah dikeluarkan pada zaman penjajahan dahulu. Dengan cara ini kita harap kita dapat mencongkel bakat-bakat pemimpin pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan yang kedua untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Sepanjang yang kita tahu Tun Abdul Razak menjadi pemimpin, menjadi Timbalan Perdana Menteri semasa umurnya masih belia iaitu dalam lingkungan duapuluhan umurnya. Ini menunjukkan bagaimana bakat Tun Abdul Razak ini cemerlang sekali sehingga dapat menjadi Timbalan Perdana Menteri semasa dia masih belia. Jadi berdasarkan kepada keadaan negara kita yang mana 60% daripada penduduk-penduduk negara ini terdiri daripada belia, jadi untuk memberi perangsang kepada belia-belia semua untuk kita hendak mencongkel bakat belia-belia dalam bahagian pemimpin ini maka patut juga kita keluarkan hadiah kepada pemimpin belia yang paling aktif yang paling berjasa kepada pertubuhan belianya patut dikeluarkan hadiah. Namanya terpulanglah kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja yang hendak saya cakapkan dan sebelum saya akhiri ucapan saya ingin saya ulang sebuah pantun Melayu yang berbunyi :

Pulau Pandan jauh ketengah,
Gunung Daik bercabang Tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

3.52 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya mengucapkan terima kasih kepada beliau yang telah mengambil inspirasi membentangkan Yayasan yang begitu penuh dengan riwayat dan tujuan-tujuan yang suci dan baik untuk negara kita pada masa yang akan datang.

Pada pendapat saya sewajarnya Dewan yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada badan-badan swasta, para dermawan dan lain-lain yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi sebagai mengambil peranan utama menjalankan atau memulakan pungutan menjadikan yayasan yang tersebut. Saya mengucapkan setinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan terutama sekali Yang Berhormat Menteri Kewangan yang begitu pantas mengambilalih dan menubuhkan Lembaga Amanah Yayasan Tun Razak ini. Saya penuh kepercayaan kepada kebijaksanaan Kabinet Kerajaan dan Ahli-ahli Lembaga yang telah dilantik untuk melaksanakan, menyusun dan mengatur supaya Yayasan ini sungguh-sungguh berguna mengikut tujuan-tujuan yang telah disebutkan dalam Akta ini. Saya mendoakan mudah-mudahan token \$3 juta yang telah terkumpul pada hari ini Tuhan akan memberikan taufek dan hidayah serta rahmatnya kerana tujuan-tujuan yang baik itu, insya Allah akan dapat disambut baik segenap lapisan rakyat di dalam negara kita ini. Hanya sebagaimana Yang Berhormat sahabat-sahabat saya yang lain yang telah bercakap pengelusan, maklumat atau titik berat untuk mengutip Yayasan kepada lapisan rakyat itu sahaja yang belum penuh dijalankan dan saya percaya tentulah ada langkah Lembaga akan berbuat demikian.

Pada pendapat saya untuk mengekal dan mengenangkan jasa baik Allahyarham Tun dan benar-benar akan mencerminkan hingga tidak luntur pada bila-bila masa sekali pun, dari segi perjuangannya sebagai Bapa Pembangunan dengan asas membasmi kemiskinan dan bercita-cita mengadakan masyarakat yang adil, tenteram dan awam dalam negara ini seperti tujuan-tujuan Yayasan yang berbunyi: "bagi menggalakkan

keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa dan untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat". Maka sukalah saya, Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan supaya Lembaga Amanah Yayasan Tun ini dapat membangunkan atap memperkembangkan lagi sebuah kompleks institusi yang boleh merupakan dan mencerminkan segala aspek dan jasa-jasa perjuangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi. Pada fahaman saya dalam bidang Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan banyak menumpukan kepada luar bandar iaitu membasmi kemiskinan rakyat dan meninggikan taraf hidup rakyat yang ada di luar bandar yang berpendapatan rendah dan sebagainya. Institusi Kerajaan yang ada di Petaling Jaya saya rasa sesuai benar diperkembangkan dan diperbesarkan dan dijadikan suatu dewan untuk segala tujuan dalam bidang ini. Universiti-universiti yang ada sungguh baik, akan tetapi perkembangannya sudah begitu luas. Jadi bagi menyesuaikan cita-cita Rancangan Malaysia Ketiga untuk membasmi kemiskinan tadi lunas ataupun dasar koperasi sahaja saya yakin boleh menjelaskan dan menceraikan kedudukan seperti yang kita sebut-sebut dalam Dewan ini.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah dan saya memberi peluang kepada Ahli-ahli yang lain pula dan sekali lagi menyokong dengan penuh ikhlas dan mendoakan mudah-mudahan kejayaan Yayasan ini akan kekal abadi dan perlaksanaannya benar-benar dapat dinikmati oleh segenap lapisan rakyat tidak mengira apa jua jurusan mereka yang ada dalam negara kita ini. Terima kasih.

3.59 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang yang bertujuan menubuhkan sebuah Yayasan di atas nama Tun Abdul Razak yang kita amat kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, apa jua yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya masih berpendapat bahawa kita tidak akan dapat membalas budi dan jasa baik yang telah mencukupi kepada Allahyarham Tun yang bukan sahaja memberi khidmat yang cemerlang kepada rakyat tetapi telah juga mengorbankan jiwa kepada negara.

Dengan begitu banyak organisasi dan orang perseorangan memberikan sumbangan sunggulipun Yayasan ini belum menjadi undang-undang adalah membuktikan betapa kasih sayang rakyat terhadap Allahyarham Tun. Tetapi janganlah kita berpuashati menunjukkan penghormatan-penghormatan kita dengan cara memberi sumbangan wang sahaja. Marilah kita bersama-sama mencontohi dan mengekalkan falsafah, fikiran dan konsep kehidupan di Malaysia yang dilahirkan oleh Allahyarham Tun untuk melahirkan satu masyarakat yang adil dan saksama yang mempunyai identity kita sendiri. Marilah kita bersama-sama mengalu-alukan akan kejayaan Yayasan ini untuk mencapai tujuannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersependapat dengan Ahli Yang Berhormat dari Maran bahawa pada satu ketika kelak Yayasan ini akan mengalami kesukaran wang. Dengan demikian saya menggesa Kerajaan memberi sumbangan kepada Yayasan ini di atas dasar on dollar to dollar basis.

Yang kedua, Yayasan ini hendaklah menetapkan sejumlah wang bagi pelaburan yang menguntungkan.

4.02 ptg.

Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak tahun 1976. Ramai sahabat-sahabat saya telah mengemukakan segala pujian-pujian terhadap jasa-jasa Allahyarham Tun Razak. Pada diri saya pun sama-sama juga Tuan Yang di-Pertua, dan dalam pada itu untuk menentukan masa hadapan Yayasan ini supaya kekal dan boleh dinikmati oleh anak-anak cucu kita dan jenerasi yang akan datang dan cara perlaksanaan ini kita berharap akan menggambarkan dasar penjuangan Yang Amat Berhormat Tun sendiri.

Tadi ramai di antara sahabat-sahabat saya juga menerangkan kedudukan bantuan yang diperolehi pada hari ini amatlah menggalakan. Ini adalah daripada sebab-sebab yang tertentu kerana kasihnya kita terhadap Allahyarham Tun Razak. Perasaan ini masih boleh dkekalkan iaitu kepada jenerasi yang pernah menikmati, yang pernah melihat atau yang bercampur-gaul dengan Allahyarham Tun. Tetapi apakah yang akan jadi pada jenerasi yang akan datang pada ketika itu

mereka yang baharu, yang tidak mengetahui, yang telah lupa ataupun yang kurang dengar jasa Allahyarham Tun. Dan pada ketika itu juga apakah akan jadi kepada kedudukan Yayasan ini. Dalam pada inilah, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Yayasan ini kalau hendak kita laksanakan dan menggambarkan dasar perjuangan Allahyarham Tun, saya ingin memberi pandangan dan mencadangkan untuk permulaan seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan tadi kutipan daripada pihak swasta berjumlah \$2.5 juta, apa salahnya pula tiap-tiap Kerajaan negeri menguntukkan bidang-bidang tanah di dalam bandar-bandar yang besar-besar yang juga berjumlah \$2.5 juta dan dengan cara begini, modal untuk Yayasan ini akan meningkat \$5 juta. Dan daripada modal \$5 juta ini sebab saya tengok di dalam Bahagian Kelima, Bahagian Pentadbiran dan Pelaburan, Lembaga ini mempunyai kuasa-kuasa pelaburan iaitu boleh melaburkan. Jadi saya mencadangkan kalau Yayasan ini hendak hidup selama-lamanya dia mesti mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Sesuatu Yayasan yang hendak mempunyai kedudukan yang kukuh mesti mempunyai harta ataupun asset dan asset yang paling berguna sekali ialah tanah di dalam bandar dan daripada tanah ini boleh dibuatkan bangunan dan bangunan-bangunan ini berbentuk asrama, bukan asrama percuma tetapi asrama yang boleh mendatangkan hasil. Dan juga berbentuk bangunan-bangunan yang boleh disewakan terutama sekali banyak di Pejabat-pejabat Kerajaan pada hari ini masih lagi menyewa bangunan-bangunan kepunyaan swasta. Apa salahnya bangunan-bangunan Yayasan ini kalau dibina digunakan oleh Kerajaan supaya mendatangkan hasil dan bangunan-bangunan yang hendak dibina pada tiap-tiap negeri ini akan menjadi Lembaga Yayasan, Lembaga Perpaduan dan Lambang Pembangunan dan apabila berbagai manusia daripada kampung, daripada dalam bandar hari-hari membaca dan melihat perkembangan Yayasan ini, melihat bangunan ini, barangkali susahlah perasaan mereka itu hendak melupakan jasa-jasa Allahyarham Tun Razak.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini juga nampaknya ada ditentukan masalah pemberian biasiswa dan sebagainya. Saya percaya pada hari ini pihak Kerajaan telah banyak mengeluarkan biasiswa. Laporan Yayasan Tunku Abdul Rahman dahulu pun ada mengeluarkan laporan mengenai biasiswa. Untuk sementara waktu,

untuk kita hendak mengekalkan supaya Yayasan Tun Razak ini akan berkekalan berterusan pembahagian seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Maran tadi itu, pembahagian untuk biasiswa ini ditangguhkan dahulu. Seelok-eloknya biarlah Yayasan ini mempunyai harta yang kokoh, kedudukan yang kuat dan boleh menjamin masa hadapan Yayasan itu.

Setelah mendapat hasil daripada Yayasan ini, hasil itulah boleh digunakan untuk menampung biasiswa, memberi bantuan itu dan ini. Inilah harapan saya sebab kita pada hari seperti yang saya terangkan kita yang ada yang telah pernah menikmati, melihati kita kenal. Ini yang saya risaukan, masa hadapan Yayasan ini pada ketika kita sudah tidak ada lagi besuk. Jadi apakah pelan induk bagi kita yang hidup pada hari ini, bagi kita yang menyokong dan meluluskan Rang Undang-undang ini untuk Ahli-ahli Lembaga memikirkan kedudukan Yayasan sebab banyak teguran-teguran yang kita telah dengar Yayasan ini ditubuhkan Yayasan ini sampai ketikanya mati tidak berkubur dan sebagainya.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, waktu cara pula kita hendak mengutip derma untuk Yayasan Tun Razak dengan publisiti dan sentimen, kasih sayang kepada Allahyarham Tun ini, ingin juga saya mengingatkan pihak Kerajaan iaitu berhati-hatilah cara-cara melancarkan kutipan derma ini. Kerana kita takut nanti dalam dunia ini fasal duit banyak orang yang gelap mata, saya tidak mahulah pula nanti berlaku penyalahgunaan, mengambil kesempatan. Ada yang berlaku kadang-kadang itu cara-cara orang yang hendak mengutip derma menggunakan sentimen dan sebagainya menyalahgunakan untuk faedah diri sendiri. Inilah saya berharap sangat supaya di dalam Rang Undang-undang ini cara-cara setiap orang yang hendak menganjur, mengutip derma untuk Yayasan ini mestilah mendapat persetujuan daripada Lembaga Yayasan itu sendiri. Dan pihak Lembaga Yayasan di sini hendaklah juga berhubung rapat dengan pihak Polis dan berhubung dengan pihak swasta dan sebagainya.

Saya menerangkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hari ini banyak badan-badan swasta khas kerjanya mencari derma bagi pihak satu-satu badan, dia bertanggungjawab dan dia menggunakan nama Menteri-menteri dan nama-nama Wakil-wakil Rakyat. Dia

memperkatakan dia akan tanggung perbelanjaan untuk mengadakan jamuan itu dan ada \$1,000 atau \$2,000 untuk badan-badan yang menganjurkan. Tetapi yang melaksanakan mereka, dan mereka ini mempunyai profesional team terutama sekali daripada segi kutipan iklan dan mereka ini ada hubungannya dengan swasta-swasta yang mempunyai peruntukan besar di bahagian iklan. Mereka ini ada hubungan dan banyak perkara-perkara ini berlaku, kadang-kadang terkeluarlah sebuah buku cenderamata entah untuk malam apa yang tebal dan penuh dengan iklan. Berpuluh-puluh ribu ringgit mereka mengutip, tetapi pada badan yang menganjurkan dan menggunakan nama-nama Menteri tadi dapat sejumlah tidak sampaipun 2%. Perkara yang seperti ini telah banyak menimbulkan komplimen-komplimen daripada pihak orang yang menderma daripada bank, daripada badan swasta yang lain yang tidak mengetahui latar belakangnya. Inilah saya berharap dengan adanya Yayasan ini kalau satu undang-undang dapat dibentuk bagi mengawal, jangan besok apabila sampai waktunya, kita hendak mencari.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini kadang-kadang membosankan orang yang hendak menderma sebab wang yang diderma itu tidak sampai kepada matlamatnya. Inilah harapan dan dalam pada itu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khasnya kepada Yang Berhormat Tengku Tan Sri Razaleigh yang pada ketika itu beliau belum lagi menjadi Menteri Kewangan yang menjadi asas kepada Yayasan Tun Razak ini. Dan pada hari ini beliau sendiri telah menjadi Menteri Kewangan, saya percaya beliau bersama-sama dengan rakan-rakan yang mempunyai kejujuran dan minat yang mengusahakan ini dapat melaksanakan dan akan mengekalkan Yayasan ini selama-lamanya.

4.14 ptg.

Tuan Chiang Heng Kai (Batu Gajah): Tuan Yang di-Pertua, menurut Fasal 8 bahagian IV Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak 1976 ini, selain daripada mengekalkan nama dan jasa baik Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, tujuan-tujuan Yayasan ini juga:

- (i) Untuk menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
- (ii) Bagi menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan

- (iii) Untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

Tujuan-tujuan yang tersebut di atas memanglah baik, tetapi apakah cara yang akan digunakan oleh Lembaga Yayasan ini untuk mencapai tujuan-tujuan, dan dapatkah tujuan-tujuan itu tercapai adalah menjadi satu soal yang penting.

Oleh demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan tentang pertubuhan dan pentadbiran Lembaga Yayasan ini.

Seksyen-kecil (1) Fasal 5 Bahagian III Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut:

- (a) Seorang Pengerusi yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong;
- (b) Seorang wakil Perbendaharaan; dan
- (c) Tidak lebih daripada lapan belas ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya sekurang-kurangnya 5 orang wakil dari golongan berpelajaran Tionghua dilantik menjadi ahli Lembaga, supaya apabila Lembaga ini membuat peraturan-peraturan untuk menjalankan tugasnya ianya dapat menentukan setiap rakyat yang tamat pelajarannya daripada mana-mana jua aliran akan dapat menikmati bantuan daripada Yayasan tersebut.

Saya juga mencadangkan supaya biasiswa-biasiswa dan bantuan diberi kepada murid-murid atau mahasiswa-mahasiswi dari aliran sekolah Tionghua untuk mereka melanjutkan pelajaran di negeri China, termasuk Republik Rakyat China dan Taiwan.

Adalah diketahui umum bahawa murid-murid dan mahasiswa-mahasiswi dari aliran sekolah Tionghua setakat ini, masih tidak dapat layanan yang berpatutan dan adil, dan mereka boleh dikatakan hampir seratus peratus keturunan bangsa China. Oleh demikian, saya berpendapat sekiranya kita bersungguh-sungguh hendak menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia, dan memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan cadangan yang tersebut di atas adalah satu cara yang paling baik sekali.

Cadangan ini juga mematuhi tujuan yang lain dalam Yayasan ini, iaitu bagi menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa. Dalam pada ini saya menganggap selain daripada memberi biasiswa-biasiswa dan bantuan kepada murid-murid lepasan sekolah Tionghua untuk melanjutkan pelajaran di Taiwan, Lembaga ini hendaklah berbincang dengan pihak berkenaan Republik Rakyat China tentang kemungkinan menghantarkan pelajar-pelajar kita untuk melanjutkan pelajaran di negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara jasa baik Allahyarham Tun Abdul Razak yang paling istimewa ialah penubuhan perhubungan diplomat di antara negara Malaysia dengan Republik Rakyat China. Oleh kerana salah satu objektif Yayasan ini ialah untuk mengekalkan jasa baik Allahyarham Tun, maka saya berpendapat cadangan saya ini adalah tidak keterlaluan dan berharap cadangan saya ini dapat dipersetujui oleh pihak Kerajaan.

4.19 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak, 1976 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Allahyarham Tun Abdul Razak dikenali pada masa hayatnya sebagai Bapa Pembangunan Negara, dan akhirnya Allahyarham Tun Abdul Razak, selain daripada menjadi bapa pembangunan negara, ia juga dapat menyatukan sebahagian besar parti-parti politik di dalam negara ini menjadi parti Barisan Nasional dan sehingga setakat ini di dalam Dewan ini mengandungi 144 daripada 154. Pada masa hayatnya juga sehingga saat ini bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan mengagung-agungkan nama Allahyarham Tun Abdul Razak bahkan ahli-ahli daripada parti Pembangkang sendiri pun mengakui kenyataan bagaimana pimpinan yang diusahakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak.

Kita berada bersama-sama dengan Allahyarham Tun pada tarikh yang akhir sekali, beliau sebagai Ahli Parlimen dari Pekan dan juga sebagai Perdana Menteri pada 16hb Disember, 1975. Dan selepas daripada itu pada hari Rabu jam 5.30 petang 14hb Januari, 1976 suatu berita yang paling sedih sekali yang dipancarkan ke seluruh dunia

dari bandar London mengatakan bapa pembangunan negara kita telah kembali ke rahmatullah. Apabila sahaja berita itu tersebar ke seluruh dunia khususnya ke negara kita, seluruh rakyat menerima dengan perasaan sedih yang amat sangat baik daripada pemimpin sehinggalah ke peringkat rakyat yang paling bawah sekali menangis; apabila sahaja berita itu disiarkan ke seluruh negara pada masa tersebut. Bila sahaja keadaan itu berlalu, Allahyarham Tun pun dikebumikan dengan penghormatan negara dan rakyat yang paling besar dalam sejarah. Selepas daripada itu rakyat mulalah ingin mengenangkan jasa Allahyarham sebagai bapa pembangunan negara, sebagai pemimpin agung pada masa itu bagaimanakah satu cara dapat diberi penghormatan, dapat dikenang sebagaimana juga kepada negara pada zaman Pemerintahan Melayu Melaka dahulu iaitu Hang Tuah.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai cadangan telah dikemukakan oleh pihak rakyat kepada Kerajaan supaya nama Tun Abdul Razak itu dikenang. Ada rakyat meminta supaya Universiti Kebangsaan diubah kepada Universiti Tun Abdul Razak dan ada golongan rakyat lain meminta Lapanganterbang Subang diubah kepada Lapanganterbang Tun Abdul Razak. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang dikemukakan oleh rakyat dan di samping mengenangkan bukan sahaja Allahyarham Tun bahkan Tun Raha dan anak-anaknya. Pada masa itu, ada salah satu kesatuan guru-guru Melayu yakni Kesatuan Guru-guru Bahasa telah mencadangkan kepada Kerajaan melalui akhbar yang beritanya keluar di Taiping meminta supaya Kerajaan menubuhkan sebuah Yayasan dinamakan Yayasan Tun Razak. Dari pada tarikh tersebut, saya dapati telah mendapat sokongan daripada berbagai pihak apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi daripada pihak swasta dan yang paling besar sekali memainkan peranan kepada Yayasan ini memperkenalkannya kepada rakyat ialah pihak akhbar. Pihak akhbar telah memainkan peranan menggalakkan supaya Yayasan itu dapat ditubuhkan dan pihak swasta dan orang ramai dapat menyumbangkan wang kepada Yayasan ini apabila sahaja dapat persetujuan daripada pihak Kerajaan. Dengan ini apa yang telah menjadi hasrat rakyat apabila sahaja kehilangan pemimpin Allahyarham Tun telah termakbul permintaan mereka dan di dalam tempoh

sehingga saat ini, Tuan Yang di-Pertua, baru 5 bulan 19 hari sehingga hari ini telah dapat dikumpulkan sebanyak \$2½ juta.

Bagi saya ini suatu angka yang paling besar, tetapi kita dengar tadi Ahli-ahli Yang Berhormat daripada semua pihak mengatakan wang \$2½ juta ini tidak mencukupi. Pada saya pun begitu juga, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya mengesyorkan apabila sahaja Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak, 1976 diluluskan dan apabila pihak Lembaga dipilih, biarlah Lembaga ini dapat mengambil suatu ketentuan seberapa banyak yang patut dikumpulkan kepada Tabung Yayasan ini. Saya syorkan supaya Yayasan ini dapat mencari kewangan dengan suatu angka sebanyak \$11 juta. Sebab saya katakan begitu, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana rakyat dalam negara kita ini 11 juta, biarlah \$11 juta ini menjadi satu angka bagaimana matlamat pemungutan wang ini dapat dikumpulkan kepada Yayasan ini. Misalnya, apabila sahaja Tugu Peringatan Negara dibom oleh pihak pengganas dan Yang Berhormat Datuk Seri Haji Kamaruddin telah diminta oleh pihak Kerajaan menjadi Pengerusi Tabung Pemulihan Tugu itu, maka diberitahu kepada rakyat hendak dikumpulkan wang sebanyak \$1 juta tidak berapa lama selepas itu rakyat menderma kepada Tabung itu dan saya diberitahu sehingga saat ini telah dikumpulkan lebih daripada \$1 juta.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah sebutkan bagaimana soal ini telah disuarakan oleh rakyat iaitu sebuah Kesatuan Guru-guru Bahasa yang saya katakan tadi, pihak swasta dan akhbar. Saya mengesyorkan juga kepada pihak Kerajaan khususnya kepada Kementerian Penerangan dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan juga ada bersama di Dewan ini, supaya TV dan Radio bersamasama dengan pihak Lembaga ini dalam memberikan propaganda kepada rakyat bagaimana dapat rakyat pula menghulurkan derma kepada Yayasan ini supaya dapat mencapai matlamatnya. Ada di antara Ahli Yang Berhormat menyatakan jika sesiapa yang telah memberi derma hendaklah dikecualikan daripada cukai. Saya menyokong di atas syor itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bahagian III, 5 (1) (c) ada menyebutkan:

“(c) tidak lebih daripada lapan belas ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi.”

Tadi kita dengar ada Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya berbagai golongan patut dilantik dan sebagainya. Oleh kerana saya katakan tadi cadangan ini berasal daripada sebuah Kesatuan Guru-guru Bahasa dan pihak swasta dan juga akhbar, saya suka mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya wakil-wakil mereka itu dapat dipilih bersama menjadi ahli kepada Lembaga ini. Ertinya Kerajaan sentiasa bertimbangrasa, sentiasa ingin memberi terima kasih, jika ada rakyat ataupun sesiapa juga yang memberi cadangan-cadangan yang baik untuk faedah negara dan rakyat, dengan tidak payah dibalaskan dengan wang dan sebagainya, tetapi dengan cara mereka itu pula dipilih supaya menyertai kepada Lembaga itu pun adalah memadai. Supaya dapat mereka ini menyambungkan perkhidmatan mereka bagi perlaksanaan Yayasan Tun Razak. Dalam Bahagian IV, 8 (e):

“8. (e) untuk memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.”

Dalam hal ini terutama sekali di luar bandar yang menjadi masalah besar pada masa ini ialah penuntut-penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran di Tingkatan VI. Oleh kerana Kementerian Pelajaran memperuntukkan kelas-kelas Tingkatan VI ini tidak banyak kelas-kelas ini pula hanya ditempatkan di bandar ataupun di pekan sahaja tetapi tidak dapat diadakan di luar bandar. Oleh sebab itu saya suka mengesyorkan supaya Yayasan Tun Razak ini dapat memikirkan Tingkatan VI dan disediakan tempat-tempat untuk mereka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi masalah penuntut-penuntut luar bandar ini juga ialah apabila sahaja mereka melanjutkan pelajaran khasnya di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam-dalam bandar, tempat-tempat kediaman mereka tidak mencukupi oleh kerana terlalu banyak atau terlalu ramai pada masa ini. Saya suka juga mengesyorkan kepada Lembaga Yayasan ini supaya asrama dapat difikirkan juga untuk mendirikan asrama-asrama bagi penuntut-penuntut yang berkenaan.

Di dalam Seksyen 16 (2) (a):

“2. (a) menetapkan kategori-kategori hadiah bantuan dan amaun-amaun pemberian wang berkaitan dengannya;”

Berkenaan dengan hal ini, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini mana-mana biasiswa baik Kerajaan mahupun MARA atau sebagainya telahpun memberi biasiswa dan memberikan pinjaman. Saya suka kalau cara seperti itu dapat dilaksanakan juga oleh pihak Yayasan.

Selain daripada itu, saya berharap sangat-sangat supaya Ahli Lembaga ini bukan sahaja dapat mengumpul wang dan mengeluarkan wang untuk perbelanjaan bagi memajukan seperti kehendak-kehendak yang ditulis di dalam Rang Undang-undang ini bahkan jika dapat pihak Lembaga Yayasan Tun Razak 1976 dapat pula berfikir memberi pendapat-pendapat khasnya kepada pihak yang berkenaan supaya dapat dibesarkan lagi sepertimana yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, dan mudah-mudahan Yayasan Tun Razak 1976 ini akan menjadi satu Yayasan yang besar yang dapat meliputi bagi seluruh rakyat.

4.34 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang mana satu yayasan yang telah dikemukakan pada hari ini adalah patut mendapat kejayaan sepenuhnya. Kerana kita sama-sama tahu untuk mengenangkan seseorang yang telah berjasa kepada negara, patutlah kita gunakan namanya kepada satu matlamat dan satu tujuan yang baik. Kita sama-sama maklum, Allahyarham Yang Amat Berhormat Tun sebagaimana yang telah disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi adalah seorang yang amat berjasa kepada kita, maka dengan sebab itulah berkat ataupun sempena dengan nama beliau itu kita tubuhkan satu Yayasan Tun Razak, dan saya berharap sangatlah Yayasan ini akan mendapat kejayaan yang sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sebagai seorang rakyat di Malaysia harus, pada agak saya, tidak ada seorang pun yang telah meninggal dalam Malaysia kita baik dahulu mahupun sekarang yang kesedihannya begitu dirasakan oleh semua lapisan rakyat sebagaimana kematian yang telah berlaku pada 14hb Januari, 1976 seperti

yang disebutkan oleh saudara saya tadi. Ada di antara setengah orang kalau seorang itu mati, boleh jadi anaknya sedih ataupun kalau suaminya mati, isterinya sedih. Tetapi kematian Tun pada 14hb Januari, 1976 saya agak dan saya sendiri pernah bertemu dengan tiap-tiap rakyat, walaupun mereka sendiri tidak pernah dan tidak berpeluang bercakap dengan Tun, tetapi kematiannya adalah amat dirasakan oleh mereka. Ada setengah yang berkata, aku berasa sedih lebih daripada abang atau adik aku sendiri yang mati. Begitulah perasaan rakyat. Sebab itulah pada pendapat saya, harus tidak ada seorang yang meninggal di Malaysia kita samada dulu ataupun sekarang yang mana orang terlalu sedih sebagaimana Tun meninggal. Bagi saya sendiri sebagai seorang yang saya tidak boleh lupa; dan saya tidak ingat tarikh yang sebenarnya, tetapi saya masih ingat di hari anak bungsu Tun yang kecil itu baru lahir, Tun datang ke Perlis. Dengan suara sayu dan garanya, dia berkata di rumah bekas Menteri Besar Perlis iaitu Datuk Sheikh Ahmad; katanya semalam tidur tidak lena. Isteri baru bersalin, esok hendak pergi ke Kelantan melancarkan Rancangan Buku Merah untuk beri rakyat senang. Pada masa itu katanya: kita bergaduh dengan PAS Biarlah, kata Tun, walaupun kita bergaduh dengan PAS kita hendak hidup juga sebab di Kelantan itu banyak orang Melayu. Jadi terasalah bagaimana ikhlasnya seorang Bapa Pembangunan kita. Kita tidak menafikan bekas Perdana Menteri kita yang ulung sendiri biasa kata dalam lapuran riwayat hidup Tun yang pernah kita lihat di dalam TV. Tun Razak membuat serba-serbinya. Ini menjadi satu kenyataan kepada kita sebagai Bapa Pembangunan dan Bapa Perdamaian sebagaimana yang kita katakan tadi.

Maka dengan sebab itu, rasa saya tiap-tiap yang hidup akan mati. Bukan sahaja Tun, kita juga akan mati. Tetapi sebagai seorang manusia dia juga ada cita-cita dan keazamannya. Di masa dia hidup, dia ada satu keazaman. Sebab itulah biasa kita dengar, kalaulah aku mati pun, asalkan aku boleh buat satu benda yang aku azam, maka aku pejam rapat. Jadi, kita yang hidup samada tua atau muda semuanya semacam. Hidup kita hanya setakat makan, kenyang, selepas kenyang, lapar balik. Begitulah hidupnya manusia. Melainkan yang dia cita-cita, hendak berjasa kepada seluruh rakyat. Begitulah kehendak Tun. Sebagaimana yang kita tahu dia yang membuat kebaikan kepada rakyat,

beri kemudahan kepada rakyat yang susah tidak kira bangsa baik Melayu, China dan sebagainya. Maka di atas dasar dan cita-cita inilah kita patut menyokong dan menjalankan sungguh-sungguh apa yang dicita-citakan oleh Tun tadi.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi, Tun berasa sedih dan kita tahu kerana dia tidak dapat melancarkan sendiri Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi telah dilancarkan dan banyak cita-citanya yang belum berjaya itu akan dapat dilaksanakan sebagaimana kata beliau tadi. Maka dengan sebab itu, saya berpendapat sebagaimana keazaman Tun, untuk membasmi kemiskinan kepada seluruh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Kita tidak bercakap perkauman. Tetapi ini adalah kenyataan. Rakyat miskin yang banyak adalah rakyat yang tinggal di luar bandar yang terdiri daripada bumiputra. Walaupun ada bukan bumiputra tetapi yang kebanyakannya ialah bumiputra, yang mana pendapatannya boleh dikatakan amat sedikit ataupun miskin. Inilah cita-cita Tun untuk memperseimbangkan atau memberi pendapatan istimewa kepada semua penduduk-penduduk termasuk penduduk-penduduk di luar bandar. Dan juga kita sama-sama tidak boleh menafikan kebanyakan penduduk-penduduk bumiputra atau penduduk-penduduk luar bandar yang terdiri daripada bumiputra pelajarannya amatlah kurang terutama dari segi pelajaran sains, kedokteran dan sebagainya. Saya contohkan di negeri Perlis, dalam hospital besar di sana ada 20 orang doktor tetapi kalau tidak silap saya tidak lebih daripada tiga orang doktor Melayu ada di situ. Begitu jugalah di jabatan-jabatan lain, sebagai Pembantu Teknik, engineering dan sebagainya amat kekurangan. Maka dengan sebab itu selagi kekurangan ini masih berlaku dalam negara kita agak saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru walaupun dapat tetapi payah dilaksanakan, kerana segala-gala bersangkutan dengan apa yang saya katakan tadi. Sebagaimana kita akan dirikan satu bangunan, kalaulah engineer tidak ada langsung untuk meninggikan taraf hidup maka dikala itu amat payah kepada kita. Begitu juga dari segi lain-lain macam yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu saya mengesyorkan sebahagian daripada wang ini ataupun banyak daripada wang yang dikumpulkan atas nama Yayasan Tun Abdul Razak kita utamakan pelajaran sains

sebab inilah yang kekurangan dalam negara kita pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, terutama bumiputra.

Saya masih ingat lagi di Perlis dahulu tahun lima puluhan di mana di kala itu Perlis tidak ada langsung sekolah Inggeris maka di kala itulah berpakat anak-anak Perlis mengadakan sekolah-sekolah Inggeris yang dinamakan Sekolah Derma pada hari ini, maka baharulah selepas beberapa tahun ada anak bumiputra ataupun anak Perlis sendiri yang dapat memegang jawatan di Perlis sedikit-sebanyak semenjak adanya sekolah yang saya katakan tadi. Kalau tidak ada di masa yang lepas boleh dibilang dengan jari berapa orang sahaja. Anak orang kenamaan atau anak orang yang ada kemampuan dapat menghantar ke Sultan Abdul Hamid College di Alor Star ataupun yang dapat hantar ke Maktab Melayu Kuala Kangsar. Ini tujuan di masa yang lepas kerana kekurangan bahasa Inggeris, di masa itu bahasa Inggeris amat diperlukan, tetapi sekarang saya tidak nafikan bahawa bahasa Inggeris tidak perlu, tetapi yang amat perlu bagi kita sekarang macam saya katakan tadi matapelajaran sains. Jadi, atas kehendak Allahyarham Tun Abdul Razak pada pendapat saya perkara ini patutlah kita utamakan dahulu dan kita utamakan juga kepada orang-orang yang kurang bernasib baik yang ibu bapanya kurang mampu. Jadi, pendek kata pada pendapat saya kalaulah diadakan temuduga berilah markah kepada kemiskinan bapanya. Misalnya, bapanya seorang pak tani kita beri markah 30% dan markah kemiskinan tadi kita beri satu per tiga daripada segala markah yang kita temuduga. Ini saya berpendapat kita patut berikan keistimewaan, janganlah macam di masa-masa yang lepas segala wang bantuan Kerajaan apatah lagi sebelum merdeka kadang-kadang biasa seorang anak pak tani sudah tetap dapat pergi ke satu kolej, tetapi oleh sebab anak pak tani tadi, maka ditukarkan dengan anak orang yang lain. Maka dengan sebab itu, saya harap di atas Yayasan Tun Abdul Razak kita buatlah betul-betul kerana Allahyarham Tun masa hidupnya mengutamakan rakyat yang miskin, kadang-kadang biasa ditanya orang anaknya sendiri tidak diberi biasiswa melainkan wang poketnya sendiri. Jadi, kita mengenangkan jasa satu-satu orang kita buatlah apa yang dibuat olehnya di masa hidupnya.

Bercakap saya berkenaan dengan Lembaga. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini patut kita tubuhkan pada 4 peringkat. Saya bukanlah hendak buat contoh sebagaimana parti politik tetapi kejayaan politik sedikit-sebanyak adalah kejayaan apa benda yang kita hendak buat. Kita akan kutip wang pada pendapat saya bukan setakat kutip sekali ada \$11 juta, kita kutip biarlah sampai selagi ada hayat kita buat rancangan yang satu ini sampai berpanjangan. Yang saya katakan empat peringkat sebab ada 4, satu peringkat pusat, yang mana pengerusinya saya juga sangat bersetuju Menteri yang berkenaan sendiri menjadi pengerusinya, kerana beliau sebagai seorang dermawan, seorang yang aktif, seorang yang biasa buat dahulu, yang asasnya sekarang ini walaupun di masa itu beliau belum menjadi Menteri, sebagaimana kata Yang Berhormat dari Setapak. Saya berpendapat kalaulah Menteri yang berkenaan menjadi Pengerusi Yayasan Tun Abdul Razak akan dapat kejayaan yang lebih lagi. Di peringkat Negeri, Menteri Besar ataupun Pegawai Kewangan. Di peringkat Daerah, Pegawai Daerah menjadi pengerusi. Di peringkat kampung penggawa kalau di Kelantan dan kalau di Perlis penghulu menjadi pengerusi kutipan. Jadi, saya berpendapat patutlah pihak rakyat mengetahui di atas apa yang dirancang oleh Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita akan dapat wang daripada badan-badan swasta, daripada industri-industri dan daripada badan-badan lain. Saya berpendapat kita sama kita patut kita kutip. Jadi, kerap kali kita ini kata orang pandai bercakap, pandai buat surat suruhlah kutip derma. Saya biasa dengar cerita tok alim masa dahulu tetapi tok alim sekarang tidak, dia kata kalau hendak sedekah, sedekahlah yang cantik-cantik tetapi kalau dia hendak sedekah kepada orang dia tidak beri. Ini pada pendapat saya patut kita ubah, kita hendak derma banyak kita ini pun tidak ada wang. Jadi, selain daripada badan-badan swasta, industri-industri yang saya katakan tadi yang telah mula membuat derma patutlah kita juga buat walaupun kita kekurangan wang.

Dengan sebab itu saya mengesyorkan kepada Ahli-ahli Parlimen, Menteri-menteri termasuk Perdana Menteri sekali, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara termasuk Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli

Dewan Undangan Negeri dan EXCO patut beri 1% daripada elaunnya pada tiap-tiap bulan, itulah yang saya tengok contoh yang telah dibuat kepada sekolah derma di Perlis dahulu kerana mengembangkan dasar membantu. Saya sendiri walaupun kekurangan wang tetapi dengan ikhlas hati mulai daripada hari ini atau bulan ini saya akan hantar surat kepada Setiausaha Parlimen memotong 1% elaun saya tiap-tiap bulan. Saya malulah kerana kekurangan wang sedikit sangat tetapi biarlah itu pendapatan bulanan saya, yang lain itu Insya Allah saya akan beri lagi. Saya harap dan saya merayu juga kepada kawan-kawan yang lain kalau kita menubuhkan jawatankuasa yang saya sebutkan tadi tetapi mengutip derma banyak lagi. Saya sendiri bagaimana saya katakan tadi mulai bulan ini, saya buat satu surat kepada Setiausaha Parlimen, tiap-tiap bulan potong 1%.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang lain kerana mengenangkan jasa Tun, kita tidak kenang sahaja, kerap kali dia kenang jasa orang tetapi kita, Tuan Yang di-Pertua, kalau main puji dengan keji tidak boleh begitu. Katalah doa, biasa saya dengar orang kata: hidup tidak kerana doa, mati tidak kerana sumpah tetapi perbuatan yang berkesan, itu yang patut kita buat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pegawai-pegawai Kerajaan juga agak saya patutlah potong 1% daripada gajinya atau berapa peratus itu terpulanglah kepada masing-masing. Dan yang paling penting sekali, Tuan Yang di-Pertua, kepada peneroka-peneroka FELDA. Kita tahu peneroka FELDA ini mendapat pendapatan yang lumayan, sebab yang FELDA diadakan ialah dengan arahan ataupun dengan ilham Allahyarham Tun. Sebagai peneroka FELDA yang dapat pendapatan boleh diktakan lumayan hari ini kalau dipandang dengan asal-usul tiap-tiap yang datang itu termasuklah saya sendiri juga tadi ini adalah ilham daripada Allahyarham Tun, bekas Perdana Menteri kita, patutlah juga peneroka-peneroka FELDA ini, kalau tidak tiap-tiap bulan 1% pun kalau setahun sehari pendapatan dikeluarkan untuk Allahyarham, Tun Abdul Razak, maka dengan itu saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, baharulah Yayasan Tun ini akan dapat berkembang bukan

sahaja setakat ini, tetapi selagi ada hayat dikandung badan, selagi kita ada perkara ini akan dapat dijalankan. Jadi, saya berharap sangat-sangat, Tuan Yang di-Pertua, supaya Yayasan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada hari ini akan dapat sokongan daripada seluruh rakyat kerana rakyat sama-sama tahu Tun Abdul Razak ialah seorang berjasa kepada negara kita, kepada rakyat dan kita berharap kerana beliau berjasa memberi kebaikan kepada rakyat. Jadi sebagai mengenangkan jasanya apa yang telah buat di masa hidupnya kita sambungkan; itulah kata orang sebagai mengenang jasa betul-betul. Jadi, bersempena sangatlah dengan Rang Undang-undang ini yang telah dikemukakan, saya berdoa dan saya berharap Rang Undang-undang ini mendapat sokongan sepenuhnya dan dapat berjalan dengan baik. Saya berharap juga sebagaimana saya sebutkan di atas tadi apa kekurangan dalam negara kita terutama dari segi pelajaran sains dan segala-gala kepada orang-orang yang kurang bernasib baik. Yayasan Tun ini satu badan yang kita buat dengan kuat diperingkat pusat, peringkat negeri, peringkat daerah ini adalah untuk memajukan lagi negara sebagaimana diharap-harapkan oleh Tun semasa hidup. Dengan sebab itu, saya berdoa moga-moga Yayasan ini akan mendapat kejayaan disamping saya menyokong dengan sepenuhnya.

4.50 ptg.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, cita-cita Allahyarham Tun Razak ialah hendak mengabdikan diri untuk membangunkan rakyat di luar bandar supaya mereka dapat giat bergerak sama seperti rakyat di dalam bandar yang telah maju dan cergas dalam semua lapangan, lebih-lebih lagi dalam pelajaran. Sebelum dan selepas beliau menjadi Perdana Menteri beliau telah menjelajah ke segenap ceruk-rantau dalam negara ini menaiki motokar, Land Rover, helikopter, basikal, perahu dan berjalan kaki menghargai laut, sungai, caruk, paya, hutan, kampung-kampung di mana terdapat sahaja rakyat hidup. Beliau disambut dengan gembira dan rakyat sentiasa menanti ketibaan beliau dengan hati yang berdebar-debar di mana-mana sahaja dan di mana beliau men-cecah kaki melempar mata maka di situlah umat akan sampai. Beliau menunaikan hasrat rakyat, Permohonan-permohonan yang sekian lama terpendam dalam kalbu rakyat selalunya

terkabal. Beliau juga tidak terkecuali daripada memberi perhatian kepada perkembangan dan kemajuan badan-badan ugama dan bahasa serta kesusasteraan bahkan beliau selalu memberi galakan kepada mereka yang sentiasa ingin hendak meniru jejak langkah beliau, iaitu memberi segenap tenaga kepada negara.

Yayasan ini adalah diasaskan kepada seorang anak Malaysia yang sentiasa memberi pengorbanan kepada kebajikan umum dengan tidak mengira masa dan penat lelah, dan kembalinya beliau kepada Allah adalah menjadi contoh kepada segenap putra-putri Malaysia yang hidup adalah sebagai pelita untuk menerangi yang gelap tetapi membakar diri beliau. Semoga setiap langkah beliau yang lalu itu tetap menjadi satu inspirasi kepada muda-mudi negara Malaysia yang tercinta ini. Sudah sewajarnya Yayasan ini akan diterima oleh rakyat dengan sebulat kata dan segenap pihak swasta yang kaya dan rakyat yang miskin akan terus mencurahkan wang-ringgit. Dengan ini kelak menjadi Yayasan ini badan yang sungguh-sungguh berkesan memainkan peranan di dalam negara dan bangsa yang membangun ini. Rakyat akan bergembira kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia ini akan memegang peranan utama dalam pelancaran Yayasan Tun Razak ini semoga Yayasan ini akan bermula dengan restu Dewan yang mulia ini dan terus berkekalan selagi demokrasi memainkan peranan dalam negara Malaysia yang disayangi.

4.54 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, sudah nyata bahawa sokongan yang terdapat seluruh negeri ini daripada semua lapisan rakyat menunjukkan bahawa sokongan untuk Yayasan ini tidak menjadi soal lagi. Sudah tentu kita semua sama-sama menyokong dengan sepenuhnya tujuan Yayasan ini tetapi saya suka mengambil peluang di sini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada mereka yang mula bertindak untuk mengumpulkan wang dan menanam fikiran (idea) ini khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang juga bersama-sama dengan *The New Straits Times* yang telah melancarkan, seterusnya di seluruh negeri ini di sana-sini, jadan-badan perseorangan tidak kira apa bangsa telah memberi sokongan yang kuat.

Oleh sebab itu, terpaksa diadakan satu undang-undang yang boleh mengkanunkan ini sebagai satu Yayasan.

Saya sendiri tertarik hati dan suka hendak berkata sepatah dua ialah berkenaan tujuan-tujuan Yayasan ini. Pada hemat saya kelima-lima tujuan ini sangatlah kena pada tempatnya. Pertama, untuk mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Pada kita yang sudah beruntung, bernasib baik dapat berkenal rapat dengannya merasai bahawa peranan Allahyarham dalam sejarah kita sangatlah penting dan mustahak. Allahyarham Datuk Onn telah dihantar kepada kita untuk menggerak, menyedar, menyatu dan menubuhkan kita. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman telah dapat mengumpulkan kita dan membesarkan perpaduan ini sehingga meliputi semua kaum dan bangsa supaya dapat menuntut kemerdekaan sampailah berjaya kita merdeka. Akan tetapi Allahyarham Tun Abdul Razak telah dihantar kepada kita untuk menggerakkan kita mengisi kemerdekaan ini sehingga dia akan bermakna, dia akan memberi kehidupan yang sewajarnya kepada tiap-tiap rakyat dalam negeri ini dengan tidak mengira bangsa. Sungguhpun kita terpaksa demi kepentingan bangsa dan perpaduan menuju fikiran dan usaha kita kepada golongan yang di bawah yang miskin, baik golongan yang kecil, golongan luar bandar dan sebagainya, akan tetapi segala yang dijalankan oleh beliau ini tidak boleh disifatkan oleh sesiapaupun sebagai satu usaha untuk bangsa atau satu golongan akan tetapi sebulat-bulatnya untuk negara dan seluruh bangsa dan semua kaum dalam negeri ini sebab sebagaimana kata pepatah Inggeris: The strength of the chain is that of the weakest link—kekuatan sesuatu rantai ada terletak pada perhubungan yang selemah-lemahnya. Jadi sekiranya dalam masa beliau hidup, beliau telah berusaha betul-betul hendak memperkukuh dan memperkuat hubungan yang lemah itu ialah semata-mata pada hemat saya kerana untuk demi kepentingan negara supaya dapat rantai negara Malaysia dan rantai perhubungan semua kaum di Malaysia ini menjadi kuat dan teguh sampai tidak ada perhubungan yang lemah yang dengannya mungkin melemahkan negara kita seluruhnya.

Saya juga sangat tertarik kepada tujuan yang untuk mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul

Razak kerana barangkali pada kita sehingga hari ini ramai lagi yang belum faham betul-betul apa yang ada pada hati sanubari Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak. Tetapi saya sendiri telah dapat peluang mengikuti beliau daripada sejak mula bergerak sampai kepada saat akhir, dan saya mengambil peluang ini menyatakan bahawa kalau negara ini pada waktu sekarang memerlukan satu ideologi, memerlukan satu corak pemikiran, corak pemerintahan, corak mengatur cara berekonomi, memandu cara hidup kita, cara masyarakat, kita boleh dapat mencarinya dalam segala ucapan beliau samada terbuka dalam mesyuarat umum ataupun dalam perbualan beliau dengan setengah-setengah daripada kita dalam tempat yang tidak ada orang yang ramai. Sekiranya ada "ism" dan cara pemikiran yang memandukan negara lain, pada hemat saya dalam umat Malaysia ini kita ada "Razakism", barangkali sedap atau tidak sedap rasanya saya tidak tahu, mungkin dapat kita cari lain lagi, tetapi barangkali ini juga boleh menjadi satu usaha Yayasan ini. Kumpulkanlah segala mutiara, kumpulkanlah segala petua-petua, kumpulkanlah segala panduan-panduan yang telah ditinggalkan oleh beliau supaya ini boleh menjadi tatapan untuk setiap kanak-kanak sekolah kita daripada tingkat bawah sampai kepada tingkat setinggi-tinggi. Sampai kita tiap-tiap ahli parti bukan sahaja dalam UMNO, tetapi tiap-tiap parti dalam Barisan Nasional ini boleh dijadikan pegangan kita, menjadi ukuran kepada kita, menjadi alasan untuk segala perbuatan kita. Samada patut kita buat atau tidak, saya fikir dapat kita ukur, dapat kita salurkan dan dapat kita sesuaikan dengan segala pemikiran dan pendapat Tun Razak yang patut disanjung dan dijadikan ism perjuangan Barisan Nasional.

Ketiga, untuk menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia. Ini penting bukan sahaja antara kaum-kaum di tanahair kita ini akan tetapi untuk manusia seluruhnya. Perkara ini saya faham bahawa tujuan Yayasan Tun Razak ini bukan sahaja setakat memberi scholarship ataupun memberi derma dan sebagainya untuk negeri-negeri akan tetapi akan juga menjadi satu hadiah barangkali yang tidak kurang daripada Magsaysay Award ataupun Nobel Prize ataupun Hadiah Nehru dan sebagainya yang sudah dilakukan oleh negara-negara lain untuk negarawan-negarawan yang sudah diterima oleh dunia sebagai contoh bagaimana manusia sebagai

pemimpin telah memimpin masyarakat masing-masing. Dengan itu, saya harap Yayasan ini apabila sudah dibentuk akan dapat mengatur cara-caranya supaya sebarang hadiah ini tidak kurang penting, tidak kurang dihargai seperti Nobel Prize, Nehru Award dan sebagainya. Tentang persefahaman ataupun perpaduan lama ini saya sendiri masih ingat. Waktu kami di London hampir 25-26 tahun dahulu beliaulah yang menjadi ketua kami mengumpulkan segala anasir ataupun kumpulan-kumpulan (factions) yang bertentangan pada waktu itu. Pada waktu itu Allahyarham telah menjadi President kepada Kesatuan Melayu United Kingdom yang telah menjadi tempat tumpuan untuk kami semua orang Melayu yang teguh, kuat sungguh berpadu di bawah pimpinan beliau tetapi sebaliknya ada pula M.S.U. (Malayan Students Union) di mana dikumpulkan pula kononnya penuntut-penuntut semua bangsa dari Semenanjung Tanah Melayu ini akan tetapi pada coraknya kurang penuntut-penuntut Melayu, banyak orang yang bukan Melayu. Perkara ini telah timbul dengan sendirinya, barangkali dengan tidak ada niat atau maksudnya, dengan sendirinya timbul pertikaian dan perselisihan. Dengan pimpinan Allahyarham dan dengan kerjasama pemimpin-pemimpin dan ketua-ketua lainlah dapat kita bersamasama membentuk Malayan Forum pada waktu itu yang dapat menyatukan bukan sahaja badan-badan tetapi semua penuntut-penuntut, bukan sahaja untuk kebajikan dan untuk kesenangan dan segala muslihat diri dan kebajikan masing-masing akan tetapi mula menumpukan fikiran dan usaha yang bertujuan kepada mencari jalan membebaskan negara kita daripada cengkaman kolonialisma, mencari jalan untuk mencapai kemerdekaan, mencari jalan bagaimana dapat kita sama kita boleh bekerja, bersatu-padu supaya semua penuntut daripada Tanah Melayu dan Singapura juga pada masa itu dapat bersatu supaya apabila kita balik ke negeri kita dapat kita bergerak betul-betul untuk menjalankan perjuangan yang kita sama-sama berpakat menjalankan itu dan tidak dapat ditolak, tidak dapat dinafikan bahawa sejarah akan membuktikan bahawa pergolakan politik samada di Singapura atau di Semenanjung Tanah Melayu semenjak tahun 1950 berpunca, bermula dan bergerak daripada saat Allahyarham Tun Razak duduk di No. 61, Corkfield Garden sebagai pengersui memandu kami semua semasa kumpulan dalam Malayan Forum untuk melancarkan gerakan kemerdekaan pada masa itu dan

segala yang berlaku semenjak itu pada hemat saya ada berkaitan dengan kesan-kesan usaha itu dan daripada usaha-usaha orang yang terlibat dalam kumpulan itu banyak yang ternama tetapi banyak juga orang yang pada waktu ini yang tak ternama tetapi telah bekerja dan telah berusaha dan telah bersama-sama memeras otak, memberi fikiran dan bergerak dan berusaha membantu, menolong dan bersama-sama menyampaikan tujuan yang penting sekali untuk menyatupadukan umat kita semua. Pada saat ini barangkali pada saat ini patut kita ulangi keazaman Allahyarham untuk menyatupadukan semua kaum dalam Semenanjung Tanah Melayu ini supaya dapat kita membentuk satu bangsa Malaysia, satu bangsa Melayu yang tidak lagi mahu menghitung, mahu mengira kerana kepentingan satu-satu kaum sahaja semata-mata. Sebaliknya tidak pula mengabaikan kepentingan dan keperluan setiap golongan. Pendeknya, di dalam bangsa Melayu yang kita hendak bentuk, yang Allahyarham Tun Razak hendak bentuk selama 25 tahun ini ialah satu bangsa di mana setiap kaum dapat mengekalkan peribadi dan identity kaumnya dan kepentingan golongan dan kaumnya, bahasa dan ugamanya sesuai pula dengan berpadukan yang kukuh sebagai satu bangsa. Ini saya khuatir belum lagi dapat kita menunaikannya. Perjuangan ini masih kita jalankan dan untuk mengenangkan Tun Razak kita mesti melipatgandakan usaha kita untuk mencapai dan untuk menunaikan tujuan ini mahupun kita akan memakan masa 25 tahun lagi, perjuangan ini mesti kita teruskan dan saya harap satu tujuan yang terpenting, yang terbesar sekali bagi Yayasan ini mahulah tujuan ini untuk membentuk suatu bangsa Melayu yang betul-betul, yang benar-benar satu.

Yang keempat, tujuannya ialah bagi menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa. Ini sangat kena pada tempatnya kerana tidak dapat dinafikan bahawa Tun Razak telah memberi pimpinan yang diakui di seluruh rantau Asia Tenggara ini di lapangan usaha kita untuk membentuk satu kawasan yang bebas, yang merdeka, yang aman, yang berkecuali yang dapat kita adakan kehidupan bersama antara berbagai-bagai negara, berbagai-bagai bangsa yang mempunyai berbagai-bagai corak pemerintahan, masing-masing membawa cara masyarakat, cara ekonomi, cari politiknya masing-masing akan tetapi sanggup hormat-menghormati

antara satu dan lain, hormat-menghormati kebebasan dan kemerdekaan dan ketulenan Kerajaan masing-masing. Dan sanggup pula menjaga nafsu dan fikiran diri masing-masing di negeri masing-masing supaya berjimat, tidak campur tangan di dalam perkara luar dan dalam negeri, domestic affairs, internal affairs negeri masing-masing dan juga sama-sama sanggup bekerjasama menolong dan membantu supaya dapat kita manusia seramai 250,000 juta dalam kawasan ini dengan kerjasama ini dapat mengejar kemajuan, sehingga dapat barangkali kita ikut sama mencapai kemajuan yang sudah dicapai oleh orang di kawasan dan di negeri lain-lain. Konsep pengecualian dan konsep satu kawasan yang akan membolehkan negara-negara di Asia Tenggara ini dapat hidup-damai tidak dapat tidak kita mesti mengakui ialah satu idea, satu konsep yang barangkali mahupun telah diterbitkan di sana-sini dahulu oleh orang itu dan orang ini, tetapi yang mengkonkritkan, yang mengumpulkan, yang mengikatkan dan yang melancarkan sebagai satu rancangan yang positif yang boleh diamalkan ialah Allahyarham Tun Abdul Razak. Jadi, di sini bila kita mengadakan yaysan ini kita juga memperuntukkan kepada negara-negara jiran atau kepada seluruh dunia bahawa di waktu kita menengangkan pemimpin agong kita yang telah kembali kita memandang bukan sahaja sebagai penganjur dan pemimpin domestic atau dalam negeri sahaja, kita juga berbangga bahawa beliau juga ialah seorang pemimpin serantau, beliau juga seorang pemimpin dunia. Inilah sebabnya dimasukkan dalam tujuan-tujuan yaysan itu perkara yang keempat agaknya. Dan saya sendiri setuju dan sokong bahawa ini sudah dimasukkan.

Tujuan yang kelima, inilah yang penting sekali untuk faedah kita dalam negeri berkaitan dengan memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat. Kedua-dua perkara ini adalah usaha Allahyarham waktu beliau dalam politik. Bermula sebagai Menteri Pelajaran, beliau ialah yang telah mengasaskan sistem pelajaran kita. Saya sendiri dari semasa ke semasa mengemukakan teguran tentang cara-cara perlaksanaannya ataupun berkenaan perkara-perkara yang pada fikiran saya patut dipertimbangkan semula ataupun dikaji semula ataupun dapat dibaiki, tetapi pada hari ini saya suka menegaskan walaupun saya telah buat demikian

pada asasnya, pada perinsipnya, pada dasarnya tidak dapat dinafikan bahawa dasar pelajaran yang kita ada pada waktu ini ialah dasar pelajaran Tun Abdul Razak. Pada saya dasar pelajaran ini mesti didukung walaupun pada masa-masa kita rasa patut kita timbang semula, mesti kaji ataupun barangkali diperelokkan, akan tetapi sebagaimana adanya sekarang ini pun kalau dilaksanakan dan dijalankan itulah tapak permulaan untuk membina, membentuk negara dan bangsa bersatu-padu yang saya katakan tadi. Jadi tujuan berkenaan dengan mutu pelajaran ini sesuaialah sangat sebagai satu daripada tujuan yaysan itu dan kedua berkenaan dengan kehidupan rakyat.

Sebagai Pengarah, sebagai Menteri, sebagai pemimpin pembangunan, Allahyarham Tun Abdul Razak, sepanjang hidup politiknya tidak sekali-kali rasa penat, tak pernah dia letih, tak pernah dia berhenti. Mula-mula pembangunan luar bandar, pembangunan negara, mengadakan segala rancangan yang bertujuan semata-mata untuk meninggikan taraf kehidupan. Tidak dapat dinafikan bahawa negara kita setakat ini kalau dibandingkan dengan keadaan 15 tahun dahulu sudah terdapat beberapa kemajuan yang kita sendiri insaf, kita sendiri pun sedar kalau kita sanggup memikir, membanding antara kita 15 tahun dahulu. Sekarang kita mempunyai kereta, bukan sahaja kereta saya lihat, kereta besar-besar pula, ada orang yang pada waktu ini tinggal dalam rumah batu yang sebelum ini tinggal dalam rumah atap. Mana orang kampung dalam Semenanjung ini yang berani tampil hadapan yang boleh mengakui tidak ada seorang pun anak kampung itu berpeluang ke sekolah tinggi, ke ITM, ke Universiti. Kalau ada saya cabar datang hadapan bukan sahaja hari ini lagi sebulan pun saya sanggup menghadapi. Saya rasa tidak ada sebuah kampung dalam seluruh Semenanjung Tanah Melayu tidak dapat sekurang-kurangnya seorang, barangkali berpuluh yang sudah ke sekolah tinggi ke universiti dan keluar negeri. Banyak tempat yang dapat dimasukkan api, air dan titi dan jambatan dan lain-lain. Dalam tempoh 10-15 tahun negeri ini sudah maju sampai kemajuannya tidak dapat diatasi oleh seluruh negara rantau Asia Tenggara ini, tidak ada satu negeri dalam seluruh Benua Asia ini, kecuali barangkali negeri Jepun, barangkali saya tidak tahu, yang boleh mengakui yang mereka telah dapat mencapai kemajuan dan dapat mempertinggikan taraf

kehidupan rakyat sebagaimana kita Malaysia telah dapat mencapainya. Dan segala-segala ini kita terhutang budi kepada Tun Abdul Razak.

Tuan Yang di-Pertua: Panjangkah lagi Yang Berhormat?

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Sekianlah sahaja, terima kasih.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Mukah dan ini yang akhir.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dan mengalu-alukan Rang Undang-undang Yayasan Tun Razak dan bercakap sepatah dua kata bagi menyambut Rang Undang-undang yang begitu penting untuk faedah semua rakyat serta menjadi sejarah negara Malaysia.

Bagi kami dari negeri Sarawak daripada semua kaum di dalam Barisan Nasional sekarang tidak ada pembangkang lagi adalah sangat-sangat terhutang budi kepada Allahyarham Tun Razak. Dengan segala nasihat dan tunjuk ajar beliau, maka segala kesulitan baik di bidang keselamatan, ekonomi, sosial dan politik di negeri Sarawak dapat berjaya seperti kita dapat saksikan pada hari ini. Tujuan-tujuan yaysan ini sepertimana yang terdapat di dalam Rang Undang-undang ini sendiri iaitu untuk mengekalkan nama baik Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak, menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan dan kaum manusia, mengekalkan keamanan dan persefahaman, memperbaiki standard pelajaran dalam semua bidang dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat. Lima tujuan asas Yayasan ini boleh dikatakan sebagai satu lunas yang penting kepada kehidupan manusia. Jika sekiranya kita dapat mencapai tujuan-tujuan ini, maka saya berani berkata di dalam Dewan yang mulia ini rakyat dan negara Malaysia mempunyai masa depan yang begitu cerah sekali serta diikuti pula dengan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan sendiri oleh Tun dengan diikuti pula satu Rancangan Malaysia Ketiga jelas satu hasil daripada fikiran dan ilham Allahyarham Tun

Razak di masa hayatnya untuk menyelamatkan negara ini daripada pengaruh komunis dan musuh negara yang sengaja untuk merebut hak kebebasan rakyat berbilang kaum dan kepercayaan.

Di negeri Sarawak memang terkenal kepada rakyat iaitu Tun Razak sebagai Bapa Pembangunan. Oleh itulah satu bangunan yang berdiri tersergam di tengah-tengah bandar Kuching diberi nama Dewan Pembangunan Tun Abdul Razak, sebagai mengenang jasa-jasa beliau kepada rakyat di negeri Sarawak. Bangunan itu juga dirasmikan sendiri pembukaanya oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia ketika itu. Sekarang Tun Abdul Razak telah meninggalkan kita untuk selama-lamanya. Segala jasa bakti kepada bangsa dan negara ini seluruhnya tidak harus kita lupakan begitu sahaja kepada seorang sebagai Tun Razak yang sukar untuk ditandingi oleh rakyat di negara kita ini. Perkara ini terbukti sendiri sepertimana banyak yang telah diterangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Kami rakyat di negeri Sarawak dari berbagai kaum dan kepercayaan menyokong penuh Yayasan ini dan kami juga bersedia memberi sumbangan yang terdaya oleh kami bagi menjayakan tujuan-tujuan bagi Yayasan ini. Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson supaya pihak Kerajaan Persekutuan sendiri menghulurkan bantuan sama banyak dengan bantuan yang diperolehi dari derma-derma orang ramai bagi menjamin Yayasan ini boleh berjalan dengan lebih lancar lagi bagi bantuan dan biasiswa-biasiswa kepada semua lapisan rakyat dari semua negeri di dalam Malaysia ini. Dan juga saya ingin mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai Pengerusi Yayasan ini di mana rakyat menaruh keyakinan penuh kepada Menteri Kewangan orang yang layak dan boleh bertanggungjawab untuk menjayakan maksud dan tujuan Rang Undang-undang ini.

Sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini bagi kepentingan bangsa dan jenerasi akan datang.

5.23 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jelaslah dengan semangat yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari ucapan-ucapan dalam masa

kita membahaskan Rang Undang-undang ini bahawa Yayasan yang akan ditubuhkan akan beroleh kejayaan nanti.

Dengan kejayaan Yayasan yang akan ditubuhkan itu maka sudah tentu nama baik Tun akan terjamin supaya kekal dan lebih harum lagi. Saya percaya dengan semangat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi yang melahirkan sokongan terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini membayangkan juga hasrat rakyat seluruh tanah-air untuk menyokong penubuhan Yayasan Tun Razak. Saya berdoa kepada Allah semuga dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata dari segenap lapisan semuga apa yang akan diperbuat di bawah Yayasan ini akan benar-benar menghasilkan segala tujuan-tujuan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Bahagian IV Rang Undang-undang ini.

Sukacita saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jasa Allahyarham Tun Razak tidak dapat dinilai walaupun ada sebutan-sebutan dan cadangan-cadangan hendak mengadakan Tugu Peringatan bagi mengenangkan jasa dan usaha Allahyarham Tun terhadap nusa dan bangsa, hendak menukarkan nama bangunan-bangunan dan lain-lain projek yang dibina semasa hayatnya tidaklah sama dengan apa yang dicadangkan dalam Dewan ini. Oleh kerana sebagai seorang pengikut kepada Allahyarham Tun dan juga rapat berdamping dengannya, saya faham bahawa Allahyarham Tun bukanlah seorang yang berkehendakkan kepada nama atau suka melihat namanya diagong-agongkan. Apa yang disukai oleh Tun ialah supaya perjuangannya diteruskan oleh rakyat buat selama-lamanya. Dan ini telahpun dibayangkan bukan sahaja di dalam objektif-objektif Rancangan Malaysia Ketiga tetapi juga dinyatakan sebagai tujuan-tujuan utama Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh saya di dalam Dewan ini. Memanglah semasa Jawatankuasa Kabinet menimbangkan apakah perkara yang patut dijadikan tujuan kepada Rang Undang-undang ini, susah sekali hendak memutuskannya oleh kerana Allahyarham Tun bukan sahaja seorang putra agong tanahair kita, pemimpin besar dunia, tetapi beliau semasa mengasaskan pembangunan untuk hendak mendirikan negara kita ini telah menempuh dan menceburkan dirinya serta memainkan peranan yang utama dalam semua bidang hidup rakyat, baik

pun sukan, ugama, kebudayaan, ekonomi, pelajaran dan lain-lain lagi yang tak dapat hendak diperhitungkan. Maka oleh sebab itulah dimasukan Fasal 9 supaya dapat mengawal dan memperhitungkan segala yang tak dapat dimasukkan sebagai tujuan untuk Yayasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata bukan sahaja saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap yakin kepada kejayaan Yayasan ini di masa depan tetapi jenerasi akan datang akan juga dapat menikmati jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh Allahyarham Tun semasa beliau memimpin negara dan rakyatnya. Oleh kerana beliau telahpun meletakkan asas kepada pembangunan satu masyarakat adil, yang makmur dan boleh menjamin kesejahteraan hidup di dalam suasana yang aman dan damai. Inilah yang perlu diperjuangkan oleh kita bersama samada yang ada di dalam Kerajaan, yang menyokong Kerajaan ataupun yang ada di sebelah Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham Tun telah menjadi pengasas dalam berbagai-bagai bidang, telah menjadi pendorong kepada penghidupan kita supaya mengubah sikap kepada cara yang lebih moden, sesuai dan selaras dengan peredaran zaman. Allahyarham Tun telah menjadi penggerak kepada kita, kepada rakyat jelata supaya membangunkan ekonomi ini untuk mengikis kemiskinan yang dialami oleh golongan terbesar di tanah-air yang dicintai ini.

Oleh sebab yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ujudlah Rang Undang-undang ini dan oleh kerana difikirkan perkara ini adalah perkara besar, perkara yang akan menjaga nama baik Allahyarham Tun, maka difikirkan eloklah diadakan sesuatu Lembaga Amanah yang akan dipengerusikan oleh seorang tokoh yang akan dilantik sendiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan anggota-anggotanya pula sudah tentu akan menggambarkan perwakilan daripada semua bidang, semua pihak sebagaimana yang saya nyatakan tadi untuk mencerminkan lapangan-lapangan yang telahpun diperjuangkan oleh Tun semasa hayatnya tidak kira keugamaan, tidak kira keturunan dan tidak kira kebudayaan dan sebagainya.

Dengan ini sahaja dapat kita menjaga nama baik Allahyarham Tun dan sudah tentu dengan keanggotaan seumpama itu Yayasan ini akan berjaya asalkan adanya azam dan

hasrat daripada kita, daripada rakyat untuk membantu dan menyokong supaya tujuan-tujuan yang ada dalam Rang Undang-undang ini akan berhasil sepenuhnya buat selama-lamanya.

Apabila Lembaga ini dibentuk nanti, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu peraturan-peraturan akan dibuat setelah berunding dengan saya untuk menggaris apakah dasar dan apakah bentuk rupa perjalanan Yayasan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini.

Maka saya yakin dan percaya bahawa pandangan-pandangan yang geliga dan bernas yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat sekejap tadi akan menjadi perhitungan kepada Ahli-ahli Lembaga yang akan dilantik nanti dan sudah tentu Ahli-ahli Lembaga itu tidak akan menyalahgunakan kedudukannya dan tidak akan lari daripada tujuan-tujuan asal Yayasan ini dibentuk dan sudah tentu orang-orang yang kurang bernasib baik iaitu mereka yang dibela oleh Tun semasa hayatnya akan diberi perhatian utama oleh Lembaga ini. Dan sudah tentu Kerajaan sendiri akan mengawasi perjalanan Lembaga Yayasan ini semoga benar-benar akan menghasilkan tujuan-tujuan yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun hanya \$2.5 juta telah dipungut dan banyak cadangan-cadangan telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa kita membahas Rang Undang-undang ini sekejap tadi, sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan Sabah sudahpun menguntukkan satu peruntukan yang besar dengan cara mengadakan satu ladang yang boleh mengeluarkan hasil katanya tidak kurang daripada \$0.5 juta tiap-tiap tahun guna untuk disumbang terhadap Yayasan ini (*Tepuk*). Dan banyak lagi hartawan yang telah menemui saya sanggup menderma hanya menunggu masa untuk saya mengisytiharkan bahawa derma yang akan diberi itu akan dikecualikan daripada Cukai Pendapatan. Saya tidak dapat hendak mengumumkan sebelum Rang Undang-undang ini masuk oleh kerana belum tahu samada Yayasan ini akan dikeluarkan oleh Kerajaan atau tidak. Maka sukalah saya maklumkan di sini apabila Lembaga ini dibentuk dan permohonan dimajukan oleh Lembaga ini supaya derma yang diterimanya apa bentuk rupanya sekali akan dikecualikan daripada pembayaran Cukai Pendapatan.

Jadi mengenai hadiah-hadiah pula sebagai-mana yang dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan tadi sukalah saya menyatakan di sini bahawa banyak cadangan-cadangan telahpun diterima, dan ini semuanya sedang dikaji dan ditimbang oleh Kerajaan dan juga oleh penganjur dan ini semuanya akan diserahkan kepada Lembaga yang akan dibentuk nanti. Tetapi sudah tentulah kita tidak boleh lari dari tujuan asal iaitu hendak mengekalkan nama Tun bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia, yang merupakan hadiah ataupun apa sahaja bentuk bantuan yang akan diberi.

Bagi rakyat yang kurang bernasib baik maka apa juga sekiranya yang boleh menolong mereka itu akan mendapat perhatian daripada Yayasan ini.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung perbahasan yang telah memakan masa yang panjang tetapi telah memberi pandangan-pandangan yang baik pada saya semoga dapat kini akan menjadi asas pertimbangan kepada Lembaga yang akan dibentuk nanti.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 11 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 12—

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan pindaan bahawa Fasal 12 (2) menggantikan perkataan “itu” yang terdapat dalam baris 3 dengan perkataan-perkataan “yang lalu”.

Pemberitahu Pindaan ini telahpun diedarkan dan Pindaan ini adalah untuk membetulkan kesilapan taip. Pindaannya seperti berikut:

Fasal 12 (2) Gantikan perkataan “itu” yang terdapat dalam baris 3 dengan perkataan-perkataan “yang lalu”

Clause 12 (2) Substitute for the word “that” appearing in line 3 the words “the previous”

Pindaan dikemukakan untuk diputuskan, dan disetujui.

Fasal 12 sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 13 hingga 19 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan disetujui.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd.

Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan bahawa Dewan ini ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

PASUKAN PETUGAS DAN PERLAKSANAANNYA

5.41 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Yang di-Pertua, tajuk ucapan saya hari ini ialah Pasukan Petugas dan Perlaksanaannya. Allahyarham Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri kita telah menubuhkan Pasukan Petugas di dalam Jabatan Perdana Menteri untuk membolehkan pembinaan rumah sendiri oleh pekerja-pekerja yang telah bersara. Tetapi hingga ke masa ini kemajuan Pasukan Petugas itu tidak begitu menggalakan. Saya sedar bahawa hanya satu sekiranya sahaja yang dicadangkan di Estet Tanah Merah, Port Dickson oleh Sime Darby dan saya telah mendapat tahu bahawa sekiranya itu telah mengalami kesulitan untuk melaksanakannya, kerana ketiadaan perhubungan di antara pihak berkuasa tanah dan pihak perlaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Kerajaan mestilah mengadakan sekarang sebuah bahagian khas untuk membuat format ke arah

perlaksanaan sekim yang tersebut. Kita hendaklah juga mengadakan garis panduan untuk melaksanakannya, yang mana agensi-agensi estet dan pejabat tanah akan dapat berhubung dengan senang untuk melancarkan sekim itu.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu pekerja estet yang bersara kini sedang dihalau keluar dari rumah-rumah mereka oleh pihak pengurusan estet-estet yang berkenaan. Kebanyakan mereka selama beberapa decade tidak langsung tahu akan keadaan dunia luar, melainkan estet-estet tempat mereka tinggal, dan kini mereka terpaksa keluar untuk mencari tempat-tempat tinggal. Dengan keadaan umur mereka yang meningkat tua berserta dengan tanggungjawab yang berbagai bentuk, adalah satu perkara yang mustahil untuk mereka terus hidup tanpa bantuan kewangan dan dengan pendapatan yang rendah. Saya tidak faham bagaimana mereka akan hidup selepas meninggalkan rumah-rumah mereka, dalam keadaan yang tertentu, sanak-saudara dan anak-anak pekerja estet yang telah bersara juga didapati tinggal bersama anak-anak mereka yang telah diberikan rumah untuk tempat tinggal.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya di Sungai Siput, The Kamunting Estate (Ladang Kamunting) telah mengarahkan sebahagian dari pekerja-pekerja mereka yang bersara meninggalkan rumah-rumah kediaman mereka, iaitu sesudah mereka dibuang kerja kerana umur yang telah meningkat tua. Saya berpendapat Kerajaan mestilah membuat satu undang-undang sekarang juga, menekankan atau meminta pihak estet melaksanakan Pasukan Petugas, sehingga satu undang-undang diperkenalkan, saya yakin tiap-tiap estet akan cuba mengelakkan dari tanggungjawab mereka.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, Akta Perumahan standard yang minima bagi pekerja-pekerja. Akta ini memberikan setiap pekerja mendapat 1/16 ekar tanah untuk bercucuk tanam dan memelihara binatang. Tetapi apa yang terjadi pada hari ini bahawa kebanyakan pihak pengurusan estet tiada langsung melaksanakan Akta ini. Sebilangan kecil yang melaksanakan pemberian 1/16 ekar adalah atas tiap-tiap keluarga. Di dalam kebanyakan estet pekerja-pekerjanya ingin memelihara binatang ternakan sebagai salah satu jalan untuk mendapatkan pendapatan tambahan. Dalam masa yang sama mereka juga menyumbangkan tenaga ke arah perlak-

sanaan Buku Hijau, sekiranya mereka dihindarkan dari mendapatkan hak-hak yang diberikan oleh undang-undang, saya tidak tahu bagaimana taraf hidup pekerja-pekerja estet dapat ditinggikan.

Tuan Yang di-Pertua, estet-estet kebanyakannya terletak di dalam sektor luar bandar, dengan demikian mendapat faedah-faedah yang paling kurang dari rancangan Kerajaan. Adalah paling wajar kiranya Kerajaan mengenakan langkah-langkah yang ketat ke arah perlaksanaan undang-undang seumpama itu, untuk membolehkan peningkatan taraf hidup yang standard kepada pekerja-pekerja estet.

Sebelum saya menamatkan ucapan saya, sukaiah saya menarik perhatian Dewan bahawa tidak ada sebarang recommendation dari mana-mana pihak yang diterima oleh tuannya-tuannya estet, melainkan diiktiraf sebagai satu undang-undang yang mana mereka akan terpaksa melaksanakan sekim-sekim itu. Kementerian Buruh mestilah mengadakan satu unit khas untuk menjalankan pemeriksaan dan pada masa yang sama melihat perlaksanaan semua sekim untuk pekerja-pekerja berjalan dengan betul.

Bekas Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak, sentiasa ber-simpati dengan pekerja-pekerja estet, dan di atas kesedaran itu beliau telah mewujudkan Pasukan Petugas itu. Perdana Menteri kita yang ada sekarang, sebagaimana yang telah beliau janjikan akan meneruskan rancangan baik Allahyarham Tun kita, dan saya berharap semasa dalam jawatannya, beliau akan mencuba dengan sedaya-upaya untuk mengikis kemiskinan, yang terkenal sebagai satu keadaan sosial yang paling buruk di kalangan pekerja-pekerja estet, yang sejak beberapa jenerasi bekerja ke arah kemajuan bangsa dan negara.

5.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah memperkatakan keadaan pekerja-pekerja ladang yang bersara dan mencadangkan bahawa undang-undang harus diadakan untuk memaksakan ladang-ladang melaksanakan sekim pemilikan rumah sendiri untuk pekerja-pekerja sedemikian. Kesulitan-kesulitan pekerja-pekerja sangat-sangatlah dirasakan terutama sekali bilamana

sepanjang tempoh mereka bekerja, mereka telah menikmati perumahan percuma dan kemudahan-kemudahan yang lain di ladang tersebut, dan apabila bersara mereka dikehendaki mencari kediaman yang lain di luar ladang itu.

Kerajaan mempunyai dasar perumahan yang harus dilaksanakan yang menitikberatkan kepada kumpulan yang berpendapatan rendah termasuk pekerja-pekerja ladang. Revolving Fund sebanyak \$10 juta yang ditubuhkan untuk tujuan perumahan pekerja-pekerja telah dibentuk dan akan menyelenggarakan di antara lain, untuk sekim pemilikan rumah sendiri di ladang-ladang dan lombong-lombong, seperti diperakui oleh Pasukan Petugas yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput. Kerajaan Persekutuan adalah memberi kepentingan kepada sekim pemilikan rumah ini dan sedang berusaha untuk menjalankannya.

Ahli Yang Berhormat harus maklum bahawa sekim ini adalah satu sekim yang baru dan berkehendakkan kerjasama dan bantuan bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan bahkan kerjasama erat daripada Kerajaan Negeri-negeri serta majikan-majikan di ladang-ladang tersebut. Memandangkan kepada beberapa masaalah yang mungkin dihadapi dalam pelaksanaan sekim ini, seperti conversion tanah-tanah itu kepada tanah perumahan, sistem pemberian dan mendapat balik pinjaman yang diberikan daripada Tabung Pusingan ini serta perbekalan kemudahan-kemudahan yang lain kepada sekim ini, Pasukan Petugas sendiri telah mencadangkan bahawa satu sekim pelupur (Pilot Scheme) dijalankan di satu estet, sebelum usaha ini di hebah ke merata tempat. Syarikat Kumpulan Guthries telah mencadangkan sekim pelupur ini diletakkan di Ladang Sengkang, Port Dickson (bukan Ladang Tanah Merah oleh Syarikat Sime Derby seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi) Kumpulan Guthrie telahpun sedia melancarkan dan menjalankan beberapa perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sembilan. Adalah harapan bahawa masaalah-masaalah yang masih belum diselesaikan akan dapat diatasi dengan secepat mungkin.

Sementara itu dengan adanya Tabungan Pusingan daripada Kerajaan, beberapa buah sekim perumahan lagi untuk pekerja-pekerja ladang dan lombong telah dan sedang dirancang, seperti di Negeri Selangor, Johor dan Kedah. Sekarang ini dengan Kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor kami harap rancangan pertama dapat dijalankan dalam beberapa bulan lagi di Ladang Tennamaram, Batang Berjuntai, Selangor. Saya telah memberi nama ladang-ladang yang lain apabila saya menjawab soalan daripada Ahli yang lain di Dewan ini beberapa hari dahulu. Ladang-ladang ini termasuk Ladang Bukit Paloh di Johor, Ladang Bukit Perkaka di Kuala Ketil, Kedah dan tiga atau empat ladang lagi di Selangor dan dua Syarikat perlombongan di Selangor juga. Oleh yang demikian, tidaklah benar untuk mengatakan bahawa hanya sebuah sekim sahaja sedang dirancang seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Sekim perumahan di Ladang Tennamaram dan lain-lain lagi akan memberi pengalaman kepada kami untuk melicinkan perancangan dan perjalanan sekim-sekim yang lain. Kami berpendapat bahawa ini akan membolehkan Kerajaan menyediakan garis panduan yang lebih mendalam untuk melaksanakan sekim yang lain. Tidaklah mustahak, pada masa ini untuk menubuhkan sebuah bahagian khas untuk membuat garis panduan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kementerian saya dan Kementerian Perumahan akan terus mengawasi perkara ini dan mengambil apa jua tindakan yang dikehendaki. Begitu juga Kerajaan berpendapat bahawa tidaklah perlu pada masa ini untuk mengadakan undang-undang bagi melaksanakan rancangan-rancangan ini. Sokongan yang sedang diberikan oleh Kerajaan-kerajaan, dan juga Kerajaan Negeri-negeri seperti Negeri Selangor adalah menggalakkan dan kami harap Kerajaan Negeri-negeri yang lain dapat menggunakan pengalaman dari Negeri Selangor dengan perjalanan sekim yang pertama di Ladang Tennamaram yang saya sebutkan tadi.

Peruntukan tanah di bawah Undang-undang Buruh

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah juga menyebutkan perkara kehendak Undang-undang Buruh untuk memberi 1/16 ekar tanah kepada pekerja dengan tanggungan yang tinggal bersama di dalam sebuah ladang. Ramai majikan telah menyediakan tanah yang disebutkan ini untuk pekerja-pekerja mereka dan kami di Kementerian Buruh sedang berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang masih dihadapi di lain-lain ladang. Ini adalah kehendak Undang-undang Buruh dan memang diawasi oleh Jabatan Buruh dalam urusan Jabatan itu secara kebiasaan. Tidak perlu untuk menubuhkan satu yunit khas di Kementerian

Buruh untuk perkara ini. Saya harap Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput serta Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang menghadapi masalah dalam perkara ini dalam kawasan-kawasan mereka dapat melaporkan estet-estet yang tidak menyediakan tanah ini kepada Kementerian Buruh untuk tindakan selanjutnya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.55 petang.